



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

(KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

WAN SALMAH BINTI WAN SULAIMAN

PENGGIAT SENI DAN KEBUDAYAAN NEGERI TERENGGANU

OLEH:

NOR ZALIKHA BINTI MARZUKAINI 2020459034

NUR AINA FAZLINA BINTI MUHAMAT PADLI 2020822116

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
WAN SALMAH BINTI WAN SULAIMAN
PENGGIAT SENI DAN KEBUDAYAAN NEGERI TERENGGANU

OLEH:

NOR ZALIKHA BINTI MARZUKAINI 2020459034
NUR AINA FAZLINA BINTI MUHAMAT PADLI 2020822116

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Pertama sekali kami ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatNya kami diberi kekuatan dan ketabahan dalam menyiapkan tugas yang diberikan setelah melalui pelbagai halangan dan dugaan bagi menyempurnakannya. Sesungguhnya tugas yang diberikan ini benar-benar menguji kami dengan realiti kehidupan yang sebenar dalam mendapatkan maklumat mengenai bangunan lama atau bersejarah yang dipilih oleh kami.

Kami juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah subjek IMR 604 Madam Nurulannisa Binti Abdullah di atas kesudian beliau untuk berkongsi maklumat, membimbing serta memberi tunjuk ajar sepanjang proses kumpulan kami melaksanakan tugas ini. Sesungguhnya tanpa bimbingan dan tunjuk ajar daripada beliau tidak mungkin kami dapat menyiapkan tugas kami seperti ini. Segala jasa dan penat lelah beliau amatlah kami hargai dan kami manfaatkan sepenuhnya.

Kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan Puan Wan Salmah binti Wan Sulaiman di atas kerjasama yang telah diberikan oleh beliau sepanjang projek ini dijalankan. Kami amatlah berbesar hati di atas kesudian beliau meluangkan masa bersama kami untuk berkongsi maklumat yang beliau ketahui kepada kami.

Tidak lupa juga, sekalung penghargaan kepada kawan-kawan yang turun membantu dalam proses menyiapkan tugas ini. Dorongan dan doa daripada ahli keluarga kami juga turut menyumbang kejayaan kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK

MUKA SURAT

Penghargaan.....	i
Isi	ii
Kandungan.....	iii
Abstrak.....	iv
*	v
Biodata Penemubual.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	viii

Transkrip

Bahagian 1: Latar Belakang Peribadi Puan Wan Salmah Wan Sulaiman.....	01
Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan.....	18
Bahagian 3: Pengalaman Pekerjaan.....	23
Bahagian 4: Penglibatan Tokoh Dalam Bidang Seni.....	28
Bahagian 5: Pencapaian/Anugerah & Sumbangan.....	52
Bahagian 6: Pendapat/Pandangan/Nasihat.....	59
Rujukan.....	65

Lampiran

Log	71
Wawancara.....	
Diari Kajian.....	86
Senarai soalan.....	89
Surat	96
Perjanjian.....	
Gambar.....	97
Indeks.....	106

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Negara Malaysia sememangnya terkenal dengan pelbagai seni budaya yang menjadi warisan yang diwarisi secara turun-temurun oleh seseorang atau kumpulan masyarakat yang terdiri daripada generasi yang terdahulu. Antara negeri yang masih menonjolkan keaslian seni, budaya dan warisan ialah negeri Terengganu Darul Iman. Terengganu juga kaya dengan kepelbagaiannya adat resam dan tradisi yang masih menyerlah dalam cara hidup, kehalusan seni kraf, di dalam masakan dan makanan tradisionalnya, persembahan tarian yang mengasyikkan serta permainan-permainan tradisional yang mengujakan. Terdapat ramai tokoh yang terlibat dalam dunia seni dan budaya namun, dalam hal ini penyelidik telah menemu bual seorang tokoh yang bernama Wan Salmah binti Wan Sulaiman atau lebih mesra digelar Mami. Tujuan utama kajian penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengetahui tentang latar belakang dan sejarah penglibatan tokoh dalam bidang seni kebudayaan, mengenal pasti keunikan dan keistimewaan seni kebudayaan dan mengkaji cabaran dan pencapaian yang diperolehi oleh tokoh sepanjang terlibat dalam bidang seni. Kajian ini menggunakan kaedah temubual, analisa dokumen dan kaedah pemerhatian bagi memperoleh maklumat-maklumat yang diperlukan. Hasil dari kajian ini, kami dapat mengetahui tentang pelbagai jenis seni kebudayaan yang wujud berserta dengan keunikannya yang tersendiri.

Kata kunci: Adat resam, tokoh, keunikan, sejarah, Terengganu, tradisi

BIODATA

PENEMUBUAL



NAMA	NUR AINA FAZLINA BINTI MUHAMAT PADLI
TARIKH LAHIR	
TEMPAT LAHIR	PAHANG
ALAMAT	LANCHANG PAHANG
NO. TELEFON	
EMAIL	
PROGRAM	Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)



NAMA	NOR ZALIKHA BINTI MARZUKAINI
TARIKH LAHIR	
TEMPAT LAHIR	JERTIH, TERENGGANU
ALAMAT	KUALA BESUT, TERENGGANU
NO. TELEFON	
EMAIL	
PROGRAM	Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama Tokoh:	Wan Salmah binti Wan Sulaiman
Umur:	79 Tahun
Alamat:	Kuala Terengganu
Tarikh lahir:	1944
Asal:	Terengganu

PENGENALAN

PENGENALAN

Seni ditakrifkan sebagai kecil, halus, kecekapan atau kepandaian membuat sesuatu yang indah. Seni merupakan satu ciptaan atau ekspresi terhadap sesuatu yang dianggap indah dan memenuhi keperluan naluri estetik dan fizikal manusia serta dipengaruhi keperluan naluri dari segi keagamaan, kebudayaan, ruang, masa dan keadaan tertentu. Seni turut berperanan yang bersifat psikologi dan sosiologi dan mempunyai hubungan dengan seni visual, seni muzik, seni tari dan sebagainya. Kepelbagaiannya ini menjadi satu keunikan buat pecinta seni kerana ia dianggap amat bernilai yang tidak dapat dilihat dengan pandangan mata yang kasar. Maksud kebudayaan menurut Kamus Dewan (2005) mendefinisikan budaya adalah kemajuan fikiran, akal budi (cara berfikir) dan berkelakuan. Justeru, budaya ini boleh didefinisikan sebagai suatu cara hidup yang diamalkan oleh kumpulan yang tertentu dan meliputi sistem sosial, susunan organisasi sama ada dari segi ekonomi, politik, kepercayaan, adat resam, sikap dan juga nilai.

Sejarah lisan adalah satu sumber sejarah yang menjadi kaedah untuk dijadikan sebagai kenangan buat seseorang tokoh melalui wawancara yang dilaksanakan melalui sesi rakaman. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang memberi banyak sumbangan hasil daripada penglibatan dan pengalaman mereka sendiri, maklumat yang diperoleh hasil dari wawancara tersebut kemudian akan ditulis atau ditaip semula untuk dipindahkan kepada transkrip sebagai bahan penyelidikan. Seni kebudayaan ini adalah sesuatu yang diciptakan mengenai cara hidup berkembang secara bersama pada suatu kelompok yang memiliki unsur keindahan (estetika) secara turun temurun dari generasi ke generasi. Ia juga merangkumi kepelbagaiannya dari segi suara, seni gerak, seni rupa dan permainan tradisional. Sejarah lisan ini merupakan sumber sejarah yang pertama kerana maklumat yang diperolehi melalui tokoh. Maklumat yang diperolehi daripada tokoh ini akan ditukarkan kepada dokumentasi dan ditaip semula untuk dijadikan sebagai transkrip.

Seni kebudayaan ini merangkumi pelbagai aspek sama ada dari segi seni tarian, alat permainan tradisional, alat muzik tradisional dan sebagainya. Meskipun begitu, masih ramai yang tidak mengenali permainan tradisional dan alat muzik ini kerana mereka tidak didedahkan dengan lebih awal lagi. Lebih menyedihkan lagi, terdapat generasi pada masa kini langsung tidak mengenali apabila melihat barang-barang tradisional kerana sering didedahkan dengan alat

teknologi yang semakin canggih seperti telefon pintar, tablet dan sebagainya. Perkara ini amat membimbangkan bagi pihak pencinta seni kerana semakin hari seni kebudayaan ini semakin dilupakan dan ditinggalkan sehingga ditelan zaman begitu sahaja. Oleh itu, pihak yang dipertanggungjawabkan ini hendaklah memainkan peranan dengan berusaha untuk mengekalkan seni kebudayaan ini dan memperkenalkan keistimewaan dan nilai seni kebudayaan.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman dan temubual ini mengisahkan tentang pengalaman tokoh Wan Salmah binti Wan Sulaiman, dimana beliau adalah penggiat seni dan kebudayaan di negeri Terengganu, Malaysia. Rakaman dan temubual ini telah dijalankan di kediaman beliau di Batu Burok, Terengganu pada 12 Januari 2022 pada jam 11.48 pagi. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Aina Fazlina binti Muhamat Padli dan Nor Zalikha binti Marzukaini. Berikut adalah hasil rakaman dan temubual yang berjaya dilaksanakan.

Petunjuk:

NAFMP: Nur Aina Fazlina Binti Muhamat Padli

NZM: Nor Zalikha binti Marzukaini

WSWS: Wan Salmah binti Wan Sulaiman

Assalamualaikumwarahmatullahi warahbarakatuh dan salam sejahtera, berikut adalah merupakan temubual sejarah mengenai latar belakang dan pengalaman seorang tokoh dalam bidang seni dan kebudayaan. Bersama-sama kami ialah Puan Wan Salmah binti Wan Sulaiman yang merupakan penggiat seni di negeri Terengganu, Malaysia. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 12 Januari 2022 bersamaan dengan hari Khamis, pada pukul 11.48 pagi. Dengan ini segala hormatnya temubual dimulakan.

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG PERIBADI PUAN WAN SALMAH WAN

SULAIMAN

NAFMP : Soalan pertama, apakah nama penuh puan?

WSWS : Wan Salmah binti Wan Sulaiman.

NAFMP : Bolehkan puan ceritakan sedikit latar belakang puan?

WSWS

: Saya anak jati negeri Terengganu, dilahirkan di Kampung Tiong, Kuala Terengganu pada 16 September 1944, sekarang masuk 79 tahun lah. Merupakan anak kedua dari 12 orang adik beradik. Saya berkahwin dengan arwah suami saya, Samsudin bin Din, kami dikurniakan tujuh orang cahaya mata, dua perempuan dan lima lelaki. Anak sulung saya perempuan, beliau meninggal ketika umurnya 44 tahun pada 13 Februari 2008. Mempunyai 19 orang cucu dan dua orang cicit. Kalau dari segi persekolahan, saya belajar di Sekolah Kebangsaan Bukit Jambul dari darjah satu sampai darjah empat, masa di darjah empat, saya menduduki satu peperiksaan, peperiksaan khas untuk memasuki Special Malay Class, pengantara Inggeris lah. Saya lulus dan saya sambung belajar di Special Malay Class One di Sultan Sulaiman Primary School. Lepastu [Selepas itu] masa darjah enam tu [itu] Standard Six, saya menduduki pula satu lagi peperiksaan Standard Six, kalau kita sekarang UPSR [Ujian Penilaian Sekolah Rendah]. Pastu [Selepas itu] saya lulus masuk tingkatan satu di Sultan Sulaiman Secondary School sampai tamat belajar tahun 62 [1962]. Tempat saya bertugas, 24 Januari saya bertugas sebagai pegawai kerani pendidikan di Sekolah Kebangsaan Tengku Ampuan Mariam, dari 24 Januari 1963 hingga 31 Januari 1975, bertukar ke Sekolah Rendah Sultan Sulaiman 2 mulai 1 Februari 75 hingga 28 ataupun 29 lah, saya lupa sebab Februari tu kan [itu kan] tahun lead year [tahun memimpin] kan, sama ada 28 Februari atau 29 Februari 1982. Saya bertukar ke Jabatan Pendidikan Terengganu sebagai pegawai kerani kanan perkhidmatan, jawatan sisi lah kanan tu [itu]. Dari 1 Mac 82 [1982] sehingga 30 Jun 1993. Saya tiada SPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] dan tiada Diploma, jadi pegawai sisi ni [ini], pegawai kerani kanan ni [ini], kita oleh menduduki satu peperiksaan khas bila kita lulus peperiksaan itu kita layak memohon jawatan daripada jawatan kumpulan C ke jawatan kumpulan B, setaraf dengan orang

ada STPM ataupun orang ada Diploma lah, jadi saya lulus peperiksaan tu [itu], ada kekosongan jawatan di SPA [Suruhanjaya Perkhidmatan Awam]. Bila Suruhanjaya Perkhidmatan Awam iklan, saya memohon jawatan penolong pegawai tadbir dengan kelulusan yang saya perolehi. Jadi, saya berjaya dalam temuduga tu [itu] dan saya dapat jawatan penolong pegawai tadbir dan ditempatkan di bahagian latihan cawangan B, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia Kuala Lumpur pada 1 Julai 1993 sehingga 31 Disember 1994. 1 Januari 1995, saya memohon bertukar dan diluluskan balik ke Terengganu dan ditempatkan di Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu pada 1 Januari 95 [1995] sehingga saya bersara pada 16 September 1999. Boleh saya bahasakan diri ‘Mami’ tak [tidak]? Sebab dah [sudah] biasa begitu kan. Bila bahasakan diri ‘saya’ tu [itu], berasa terlalu formal sangat. Jadi kemesraan tu [itu] rasanya takde [tiada]. Lepastu [Selepas itu], tu dari segi latar belakang lah, pendidikan, tempat bertugas dan sebagainya. Yang lain-lain tu [itu] Mami jawab bila ada soalan lain.

NAFMP : Okay, soalan seterusnya, berapakah umur Mami pada tahun ini?

WSWS : 79 tahun.

NAFMP : Seterusnya, di manakah Mami dilahirkan?

WSWS : Kuala Terengganu, Kampung Tiong, Terengganu.

NAFMP : Di manakah Mami dibesarkan?

WSWS : Di Kuala Terengganu.

NAFMP : Berapakah bilangan adik beradik Mami?

WSWS : 12.

NAFMP : Mami merupakan anak yang ke?

WSWS : Dua.

NAFMP : Apakah nama ibu Mami?

WSWS : Dayang binti Ali.

NAFMP : **Apakah nama bapa Mami?**

WSWS : Wan Sulaiman bin Long.

NAFMP : **Dari manakah ibu bapa Mami berasal?**

WSWS : Kedua-dua dari Terengganu.

NAFMP : **Apakah hobi Mami pada masa lapang?**

WSWS : Hobi Mami macam biasa lah, orang seni. Tapi masa lapang lah, waktu bekerja tu tak [tidak] macam ni [ini]. Walau apa pun, kegiatan seni Mami memang berterusan di mana sahaja Mami bertugas, sama ada Mami diminta untuk mengajar, kalau di sekolah, masa bekerja mengajar murid-murid di sekolah berkenaan. Masa Mami di Jabatan Pendidikan di JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam] pun, kalau ada persembahan apa-apa, ada jamuan akhir tahun, Mami diminta mengajar group-group [kumpulan-kumpulan] jabatan. Kadang-kadang Mami sendiri ambil bahagian juga, jadi kegiatan seni budaya Mami tu [itu] berterusan lah.

NAFMP : **Okay, soalan seterusnya, apakah status perkahwinan Mami?**

WSWS : Sekarang ini balu.

NAFMP : Apakah nama suami Mami?

WSWS : Shamsuddin bin Din.

NAFMP : Apakah kerjaya arwah suami Mami?

WSWS : Bekerja di bank.

NAFMP : Pada tahun berapakah Mami berkahwin?

WSWS : 21 Mac 1963.

NAFMP : Mami mempunyai berapa orang anak?

WSWS : Tujuh.

NAFMP : Adakah terdapat di antara anak Mami yang juga bergiat aktif dalam bidang seni?

- WSWS : Walaupun masa kecil, ada anak nombor tiga, dia menari untuk sekolah lah. Tapi bila dia sambung belajar dekat MRSM [Maktab Sains Rendah MARA], dia tidak aktif lagi dan ada anak yang nombor lima, lelaki, yang tadi itu perempuan, yang anak nombor 5 tu [itu], dia sampai sekarang pun dia macam Mami lah, dia boleh menyanyi, dia boleh menari, dia boleh berlakon. Dia juga boleh memain alat gamelan. Semasa sekolah dia menganggotai Brass Band sekolah. Sekarang ini pun, kalau dulu dia mengajar juga, dia belajar di UiTM Dungun.
- NAFMP : **Okay, saya teruskan dengan soalan yang seterusnya, apakah harapan Mami terhadap anak-anak?**
- WSWS : Perkara seperti kesenian dan kebudayaan ini, dia adalah satu bakat anugerah Allah S.W.T pada seseorang. Jadi, macam Mami dengan anak-anak, mana yang berminat, yang ada bakat tu, Mami sokong je[sahaja] lah penglibatan diorang tu [itu] kan. Yang mana tak [tidak] minat tu [itu] Mami tak [tidak] paksa.
- NAFMP : **Soalan seterusnya, adakah Mami berharap anak-anak Mami akan meneruskan minat Mami?**

- WSWS : Harapan tu [itu], begitu lah. Tapi terpulang kepada mereka sendiri lah. Kalau yang ikut Mami sorang ni [ini] pun pekerjaan dia tu [itu] membataskan juga penglibatan dia dalam bidang ni [ini] sebab dia kerja sendiri. Jadi, kalau dia ada dapat tawaran atau orang ajak menyanyi, kalau dia boleh atur sendiri kalau beritahu awal-awal. Program dia dengan kerja dia atau dengan menerima tawaran orang lain menyanyi.
- NAFMP : Okay soalan seterusnya, berapakah bilangan cucu yang Mami ada?
- WSWS : 19.
- NAFMP : Bagaimanakah Mami membahagikan masa antara keluarga dan kerjaya?

WSWS : Masa Mami muda-muda dulu, Mami giat dalam bidang seni dan kebudayaan ni [ini] sejak dari bangku sekolah lagi. Daripada sekolah rendah sampai sekolah menengah, masa di sekolah menengah pun Mami dah aktif dalam bidang kesenian dan kebudayaan. Di sekolah dan juga menganggotai satu persatuan, Persatuan Belia Darul Ehsan Terengganu, itu persatuan yang sangat aktif lah ketika itu dalam bidang kesenian dan kebudayaan . Mami start [mula] aktif dalam Darul Ehsan pun semasa umur Mami dalam 13 tahun gitu [begitu] lah dah [sudah] mula menari semasa dalam persatuan Darul Ehsan tu. Dah [Sudah] mula menari, dah [sudah] mula berlakon jadi memegang watak yang kecil-kecil lah kan, tukang kipas bila [apabila] ada cerita-cerita diorang [mereka] buat drama bangsawan, dalam cerita-cerita lama tu [itu] lah, sejarah-sejarah tu [itu], bermula jadi dayang-dayang istana gitu [begitu] lah kan sehingga bila [apabila] meningkat tu [itu] ada peranan yang lebih besar, yang lebih I mean [maksud saya] yang dalam satu-satu cerita tu [itu] ada peranan yang besar tu [itu], watak-watak yang penting tu [itu], Mami pegang lah watak-watak penting tu [itu] bila Mami dah [sudah] meningkat dewasa.

NAFMP : Okay, soalan seterusnya siapakah idola Mami?

WSWS

: Mami ni [ini] sebenarnya nak kata idola tu [itu] takde [tidak] sangat lah, idola yang khusus kan, cuma Mami daripada budak-budak tu [itu] memang suka tengok wayang, menonton wayang apa tu [itu], memang lah minat P. Ramlee tu [itu] kan, suka dengan lakonan dia, suka dengan apa tu [itu] suara dia menyanyi dan Saloma sendiri pun minat lah. Tapi setakat minat je [sahaja] lah, tidaklah kata idola tu [itu] sampai kita terikut-ikut, tidak lah macam tu [itu] tapi memang minat , memang suka lah sebagai orang lama, orang yang berumur macam Mami ni [ini] memang Mami suka lah seniman-seniman, seniwati-seniwati yang lama-lama dulu-dulu tu [itu] kan. Nak compare [banding] dengan pelakon-pelakon sekarang ni [ini], jiwa kita lain kan, memang Mami minat lah pelakon-pelakon, cerita-cerita zaman-zaman dulu tu [itu]. Memang Mami suka tengok wayang zaman dulu lah, zaman budak-budak kan suka menonton, suka pergi tengok orang ada buat persembahan apa-apa tu [itu] dari kecil tu [itu] sebenarnya Mami ni [ini] tidak dibesarkan oleh mak dan ayah kandung Mami. Mami dipelihara oleh ibu angkat, seorang ibu angkat nama dia Teh binti Awang. Dia merupakan jiran dengan mak ayah Mami lah, duduk dekat-dekat lah satu kampung jadi dia takde [tiada] anak pastu [selepas itu] masa Mami dilahirkan tu [itu] dia dari dalam pantang lagi, dia yang ambik Mami balik rumah dia. Asal-asalnya buat main lah sebab dia takde [tiada] anak kan, lama-kelamaan tu [itu] kan, dia ajak Mami tidur dengan dia sehingga sampai ke Mami besar sampai ke Mami sekolah semua dengan dia sampai Mami kerja sampai Mami kahwin, memang sepanjang hayat tu [itu] dia yang besar Mami dan dia yang rasanya banyak macam mana nak kata ye [ya] sebab di kadang-kadang kalau dulu ada persembahan-persembahan pentas, ada ni [ini] lah persembahan kan, katakan sempena hari jadi tuanku ke apa atau ada funfair ke zaman-zaman dulu kan, ada persembahan apa-apa biasanya Mami kecil-kecil dulu,

empat, lima tahun tu [itu] dia dah [sudah] dukung Mami bawa pergi tengok orang kan. Kadang-kadang letak Mami atas pentas suruh tengok diorang, masa dulu kalau diorang buat permainan malam, funfair tu [itu] ada pentas joget ada pentas macam-macam pentas lah. Jadi, ada pentas sandiwara lah kalau zaman dulu kalau sandiwara tu [itu] dia cerita-cerita bangsawan , cerita-cerita macam cerita sejarah lah, dia pentaskan tu [itu] macam cerita sejarah lah, dia, mak angkat Mami ni [ini] dia yang bawa Mami. Jadi dari kecil tu [itu] Mami dah di expose [dedahkan] lah dengan persembahan-persembahan seni ni [ini] lah menyanyi, menari ke berlakon ke. Jadi dari situ lah minat Mami mula berkembang lah pastu terus masa masuk sekolah, sekolah Mami yang Mami cerita tadi pun Mami wakil sekolah. Jadi sampai lah ke Mami dalam sekolah Sultan Sulaiman Secondary School tu [itu] pun wakil sekolah dan Mami menganggotai Darul Ehsan. Dalam Darul Ehsan tu [itu] Mami terus sambung lah kegiatan seni budaya Mami tu [itu] melalui Darul Ehsan. Kalau Mami boleh sambung atau Mami tak [tidak] tahu soalan yang ada kaitan dengan yang ni [ini] ke tak [tidak], dari Darul Ehsan tu [itu] banyak aktiviti seni dan budaya yang apa tu [itu] Mami ambil bahagian lah semasa dalam Darul Ehsan tu [itu] lah. Kita pernah menyertai apa ni [ini] pertandingan tarian, pertandingan drama, kita pernah wakil Terengganu dalam pertandingan tarian, kita pernah menang seluruh pada tahun sebelum penubuhan Malaysia, dia Tanah Melayu je [sahaja] Tanah Melayu Malaya kan 16 September 1963 baru tertubuhnya Malaysia kan, jadi sebelum tu [itu] Mami dalam Darul Ehsan dah [sudah] pernah jadi johan seluruh Tanah Melayu, seluruh Malaya 61 [1961],62 [1962] lepastu [selepas itu] penubuhan Malaysia kita wakil Terengganu, Darul Ehsan menang seluruh Malaysia juga dan kita pernah pada tahun 1962 tu [itu] kita menang seluruh Tanah Melayu tu [itu] kita bergabung masa tu [itu] Sabah Sarawak tak [tidak] masuk dalam

Malaysia lagi , kita round [pusing] Malaya campur dengan Singapura, Sabah, Sarawak, Mami Darul Ehsan Terengganu wakil Malaya lah, wakil Tanah Melayu lah dan ada group [kumpulan] dari Thailand juga. Kita round [pusing] buat persembahan lah masa tu [itu] kita wakil Malaya lah sebab menang seluruh Malaya kan jadi kita pergi buat show [persembahan] di Penang, di Ipoh, di Melaka sampai ke Singapura. Lepas [Selepas] pada Darul Ehsan tu [itu] kalau Mami boleh teruskan pun Mami tak [tidak] tahu soalan apa yang menyusul.

NAFMP : Mami boleh teruskan je [sahaja] kalau ada kami tanya.

WSWS : Okay, dari pada tahun 1973 tu Menteri Besar Terengganu pada masa tu [itu] Allahyarham Datuk Haji Nik Hasan lepas tu [selepas itu] dia dengan isteri dia pun memang dia sangat berminat lah dalam bidang ni [ini] lah. Darul Ehsan sentiasa dijemput untuk persembahan. Kalau ada persembahan sempena hari ulangtahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, hari ulangtahun pertabalan Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, kebiasaan oleh kerana Darul Ehsan ni [ini] yang aktif yang seluruh negeri tu [itu] kita yang aktif, kita yang pernah jadi johan kan seluruh Malaya, seluruh Malaysia jadi kita dia sentiasa dijemput lah untuk buat persembahan. Jadi sangat aktif lah pada ketika itu, jadi arwah Datuk Nik Hasan ni [ini] Menteri Besar Terengganu 73 [1973] tulah [itu lah] kalau tak [tidak] silap Mami, dia minta kita ada group [kumpulan] kebiasaan ada group [kumpulan] masing-masing, ada group [kumpulan] persatuan-persatuan belia ni [ini] bergerak atas apa tu [itu] masing-masing lah, kegiatan masing-masing lah. Dia minta buat kertas kerja lah dengan pegawai kebudayaan pada ketika itu untuk menubuhkan satu kumpulan kebudayaan yang negeri Terengganu. Dia minta buat kertas kerja jadi pegawai kebudayaan tu [itu] buat bawa kepada mesyuarat kerajaan negeri lah, jadi lulus, jadi mulai 1 April 1974 tu [itu] tertubuh lah Kumpulan Penari dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu di bawah pentadbiran pejabat setiausaha kerajaan yang ringkasnya dikenali sebagai Kumpulan SUKTRA. SUKTRA tu [itu] S.U.K Terengganu lah. Jadi dengan penubuhan SUKTRA tu [itu], semua penari-penari, pelakon dan pemuzik yang mana pandai - pandai muzik tu [itu] menganggotai kumpulan SUKTRA. Jadi Darul Ehsan sudah tidak aktif lagi selepas penubuhan SUKTRA, tidak aktif dalam bidang kesenian dan kebudayaan lah, maksud Mami persatuan tu [itu] masih berjalan cuma diorang ni [ini] aktif dalam bidang sukan je [sahaja] lah sebab semua penari, semua orang seni-seni dalam

Darul Ehsan tu [itu] semua dah [sudah] menganggotai SUKTRA start [bermula] daripada 1 April 1974 tu [itu].

- NAFMP : Soalan seterusnya, mengapakah puan menjadikan idola puan tadi tu [itu] sebagai idola?
- WSWS : Sebagaimana yang kita ketahui kan, pada Mami lah rasanya Allahyarham Tan Sri P. Ramlee ni [ini] memang tidak ada tolak bandingnya, takde [tiada] sampai sekarang pun rasa Mami lah tidak ada satu insan seni yang boleh menandingi kebolehan dan keistimewaan dia lah. Dari dulu lagi dah memang segala filem lakonan dia tu memang berjaya dan dia berjaya bawak watak-watak yang dia berlakon, lagu-lagu yang dia nyanyi pun dia cipta pun memang sedap. Banyak karya-karya dia memang sampai sekarang pun masih digemari ramai. Anak cucu kita yang tak [tidak] kenal pun dia kan bila tengok menonton filem-filem dia tu [itu] memang diorang minat lah, diorang [mereka] suka jadi tu [itu] lah walaupun Mami dah [sudah] kata tadi takde [tiada] lah macam idola sangat kan cuma Mami minat lah dia atas kebolehan dia lah serba boleh kan tapi ternyata sekarang memang dia memang jadi pujaan ramai kan yang selalu disebut-sebut memang tidak dapat ditukar ganti dengan artis-artis sekarang.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

NZM : Pada tahun berapakah Mami mula bersekolah rendah?

WSWS : Tahun 1951 di Sekolah Bukit Jambul, kalau masuk ke Special Malays Class tu [itu] yang Mami katakan darjah peperiksaan luluskan Special Malay Class tu di Sultan Sulaiman *primary* [rendah] *School* tu [itu] mulai tahun 1955. Aaaa sambung ke Sultan Sulaiman *secondary* [menengah] *form* [tingkatan] 1 tu [itu], jap [sekejap].. 1958.. Jadi Mami habis belajar pada masa Mami tu dia dikenali sebagai Senior Cambridge. Senior Cambridge tu semua masa Mami belajar dulu memang bahasa pengantar bahasa Inggeris, jadi peperiksaan pun dalam bahasa inggeris. Semua *in* [dalam] English [bahasa inggeris], Jadi Senior Cambridge kita sekarang ni [ini] macam SPM itulah. Kiranya Mami habis dalam tahun 1962 lah.

NZM : Soalan seterusnya, pada tahun berapakah puan mula bersekolah menengah?

WSWS : 1958

NZM : Apakah nama sekolah menengah puan?

WSWS : Sultan Sulaiman Secondary [menengah] School [sekolah]

NZM : Apakah jawatan tertinggi yang pernah disandang oleh puan semasa berada di sekolah menengah?

- WSWS : Jawatan tertinggi?
- NZ : Ya, macam pernah pegang jawatan apa-apa?
- WSWS : Ermm.. tak ada jawatan tertinggi, cuma Mami ahli jawatankuasa persatuan. Kalau dalam bahasa inggris kan Drama Society [persatuan sekolah] drama sekolah dan jadi [menjadi] AJK sajelah [sahaja lah]
- NZM : **Adakah puan pernah mendapat apa-apa anugerah ketika berada di sekolah menengah?**

- WSWS : Anugerah.... Masa sekolah tak ada. Tapi Mami sentiasa mewakili sekolah. Tapi untuk pengetahuan Zalikha dan Aina, tahun 2015 sebagai pelajar di Sekolah Sultan Sulaiman *secondary* [menengah] school [sekolah] Mami menerima anugerah Tokoh Budaya Sekolah Sultan Sulaiman. Maknanya sebegitu ramai pelajar-pelajar sekolah SS [Sultan Sulaiman] tu [itu]. Kalau dalam bidang seni ni berapa ramai yang ada recording [rakaman] artis maksud Maminya student [pelajar] SS [Sultan Sulaiman] tu yang penyanyi professional Aini Nazira, Azyan Mazuwan Safwan, Anis Suraya semua tu [itu] recording [rakaman] artis yang telah buat record[rakaman] ya. Ini yang setakat Mami ingatlah dia pun *student* [pelajar] Sekolah Sultan Sulaiman. Antara orang seni lah kan, tapi Alhamdulillah pihak sekolah mungkin dia ada jawatankuasa dia lah kan telah memilih Mami sebagai Tokoh Budaya Sekolah Sultan Sulaiman. Mungkin atas penglibatan Mami dalam semua bidang seni itu. Die orang [artis rakaman] tu [itu] cuma menyanyi walaupun beliau professional recording [rakaman] artis kan. Maknanya dieorang [pihak sekolah] bagi kepada Mami Tokoh Budaya Sultan Sulaiman itu sendiri. Itu nak ceritanya sekolah Mami memang tak dapat anugerah apa-apa *kang* [kan] tapi itulah. Dan seingat Mami pun Masa tu pun tidak ada apa-apa anugerah pun yang diberi untuk aktiviti seni. Kalau sukan pun kena bertanding, macam tadilah menjadi wakil pelajar SS [Sultan Sulaiman] wakil sampai ke ASEAN game ke apa itu pun dia dapat menang hadiah ASEAN game tu je jelah [sahajalah] tapi masa anugerah yang 2015 yang Mami cerita tu ada juga pelajar-pelajar Sultan Sulaiman yang dapat anugerah macam Mami lah tapi bidang lain-lain lah. Diorang dapat bahagian sukan, Mami dapat seni kebudayaan ini tapi masa sekolah tu tak ada terima anugerah apa-apa.

- NZM : Okay, soalan seterusnya apakah kata-kata atau nasihat yang diberikan oleh guru yang puan tidak dapat lupakan sampai sekarang?
- WSWS : Maksudnya dalam bidang akademik ke kurikulum? Akademik tu [itu] Mami hanya dalam *average je lah* [sahaja lah]. *So far* [rasanya seperti tiada] tak ada lah cikgu-cikgu sekolah masa tu ataupun ialah pihak-pihak guru besar itu sendiri tidak ada beri kata-kata apa-apa nasihat ke katanya?
- NZM : Ya nasihat.
- WSWS : Tak ada apa pula. Iyelah [iyalah] tiada kata apa-apa pula.
- NZM : **Dimanakah Mami melanjutkan pengajian peringkat tinggi?**
- WSWS : Itulah Mami kata, Mami tak ada [tiada] diploma dan tidak ada STPM. Habis belajar tu terus Mami kerja. Cuma tadi yang Mami kata daripada jawatan kumpulan C tu untuk melayakkan Mami naik ke kumpulan B tanpa STPM dan Diploma. Dan hanya yang kategori kanan sahaja yang boleh ambil periksa [peperiksaan] tulah untuk naik ke kumpulan B. kalau kata dari segi kata tak sambung lah cuma Mami menduduki peperiksaan khas tadi *je* [sahaja] yang kita tak boleh anggap seperti belajar la kan? Tak ada lah Mami pergi ke Kolej ke tak adalah.
- NZM : Seterusnya, apakah subjek kegemaran puan semasa melanjutkan pelajaran dan mengapa subjek tersebut digemari?

- WSWS : Mami *tidak* [tidak] sambung pelajaran macam mana?
- NAFMP : Masa sekolah rendah ke [kah]?
- NZM : Tak [tiada] subjek khusus lah cuma masa yang sekolah menengah tu Mami suka bahasa inggeris.. Sukalah bahasa inggeris tu.Tapi tak ada pengkhususan la. Cuma Mami memang suka Bahasa Inggeris.
- NZM : **Adakah Mami pernah terlibat dengan aktiviti tarian atau persembahan sepanjang tempoh melanjutkan pengajian?**
- WSWS : Tak melanjutkan pengajian macam mana?
- NAFMP : Yang sekolah rendah tu Mami tak terlibat dengan tarian ke?
- WSWS : Itulah macam Mami cerita kalau dari segi penglibatan dalam bidang seni ni dari sekolah rendah lagi Sekolah Bukit Jambul tu Mami dah mewakili sekolah dalam bidang tarian lepastu dalam sekolah Menengah tu Mami menari juga. Err.. lepas tu ada juga berlakon jadi AJK [Ahli Jawatankuasa] Drama Society tu. Aaaa.. kalau minat dalam nyanyian tu mula minat masa bersekolah Bukit Jambul tu Mami dah mula minat menyanyi lah. Dan minat tu.. terus lah bersambung lah cuma Mami aktif pun dalam Persatuan Darul Ehsan tu Mami aktif menari, menyanyi berlakon. Dan juga kalau ada persembahan apa-apa tu Darul Ehsan dijemput untuk membuat persembahan.. Mami menyanyilah.. Mami juga merupakan artis sambilan di RTM kuala

Terengganu. Sebelum ni di Terengganu ni tak [tiada] ada di Kota Bharu yang untuk. Tapi bila RTM Terengganu ada. Tak silap Mami tahun 1973 ,1974 tu memang Mami artis sambilan la. Ada yang berlakon tu ada siri-siri yang drama bersiri kita dalam cerita tu cakap dalam loghat Terengganu.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PENGALAMAN PEKERJAAN

NAFMP : Adakah Mami mempunyai pengalaman pekerjaan yang lain sebelum terlibat dengan dunia seni?

WSWS : Memang Mami kerja dan kegiatan seni Mami ni [ini] semasa Mami bertugas tu [itu]. Maknanya masa sekolah Mami aktif seni bila [apabila] Mami kerja pun Mami aktif seni sampai ke Mami bersara, sampai lepas bersara pun Mami masih dijemput untuk menyanyi lagu-lagu gamelan dan masih dijemput untuk memberi khidmat nasihat tentang tarian-tarian gamelan ni [ini] lah. Mami juga kalau diorang [mereka] ada bengkel-bengkel gamelan apa tu [itu] biasa juga dijemput. Mami kalau di Pahang, di Muzium Pekan Pahang dia pernah buat satu bengkel tentang gamelan lah. Dia pun jemput Mami lah, masa tu [itu] Mami masih sihat Mami mengajar lah gamelan tu [itu] di bengkel tu [itu]. Kalau yang Terengganu pun, ada group [kumpulan] Terengganu masa tu [itu] di bawah muzium negeri SUKTRA jugak [juga] tapi [tetapi] dia pengurusan SUKTRA tu [itu] diserah kepada muzium negeri. Jadi, Mami juga merupakan salah seorang dari jurulatih lah untuk pasukan tu [itu]. Mami juga pernah jadi jurulatih tarian gamelan untuk kumpulan ASNI.ASNI tu [itu] Akademi Seni Terengganu, sekarang ni [ini] dia dah ASNI tu[itu] dah [sudah] takde [tiada] dia termasuk dalam kebanyakkan student-student [pelajar-pelajar] ASNI dulu [dahulu] yang menganggotai SUKTRA ada yang dalam bidang muzik , ada yang dalam bidang tari. Kumpulan SUKTRA sekarang ni [ini] bawah pelancongan lah dan Mami dulu pernah ajar gamelan untuk ASNI tu [itu]. Mami duduk di mana-mana pun kegiatan seni Mami terus berjalan, bersambung sama ada Mami sendiri terlibat ataupun Mami mengajar. Mami duduk di Sekolah Ampuan Maryam masa tu [itu] walaupun Mami tengah aktif, diri Mami sendiri lah aktif, Mami mengajar budak-budak sekolah Tengku Ampuan Maryam. Kalau diorang [mereka] ada hari ucapan penyampaian kan ada persembahan ataupun ada pertandingan tarian antara sekolah-sekolah tu [itu] duduk di Tengku Ampuan Maryam pun Mami mengajar, duduk di Access Tour pun Mami mengajar, duduk di pendidikan kita ada malam banjaran setahun sekali ada jamuan tahunan untuk²⁴ staff tu [itu] Mami diminta untuk mengelola bukan mengelola, bahagian persembahan tu [itu] diserah pada Mami jadi Mami kumpul lah staf-staf kita yang mana minat menyanyi kan

- NAFMP : **Soalan seterusnya, berapa lama Mami terlibat dengan kerjaya semasa apa dengan JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam] tu [itu]?**
- WSWS : Mami di situ setahun setengah, jadi dalam masa setahun setengah tu [itu] la.
- NAFMP : **Mengapa kerjaya tersebut menjadi pilihan Mami?**
- WSWS : Kerjaya macam mana?
- NAFMP : Maksudnya macam mana, kenapa Mami terlibat dengan JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam] tu [itu]?
- WSWS : Tu [itu] masa tu [itu] Mami bertugas di JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam] sebagai penolong pegawai tadbir, jawatan hakiki Mami tidak ada kena mengena dengan kebudayaan tu [itu], cuma sebagai staff di situ apabila diorang [mereka] ada satu-satu persembahan ataupun ada pertandingan peringkat katakan ada pertandingan menyanyi ke apa kan, jadi bila [apabila] ada pertandingan begitu dia perlu ada wakil JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam] , masa tu [itu] lah dia ajak Mami menyanyi tu [itu] tapi [tetapi] jawatan hakiki Mami bukan sebagai artis budaya, makna Mami kije [kerja] penolong pegawai tadbir, jawatan kerja Mami kan cuma bahagian seni dan budaya ni [ini], sebagai staff di situ kalau ada persembahan apa-apa dalam bidang kesenian kebudayaan ni [ini] nak menyanyi ke nak berlakon ke apa-apa ni [ini], dia pilih Mami gitu [begitu].

NAFMP : Okay, soalan seterusnya apakah jawatan yang disandang sewaktu bekerja dalam bidang tersebut? Masa Mami duduk dalam JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam] tu [itu] apakah jawatan Mami time [masa] tu [itu]?

WSWS : Penolong pegawai tadbir.

NAFMP : Sudah berapa lama Mami bergiat dalam bidang seni?

WSWS : Oh, sudah lama lah. Kalau nak kira kita tokrah [tidak usah] ambik lah masa yang Mami kecik-kecik [kecil-kecil] dulu kan, 70 tahun dekat-dekat 70 dah la tu [itu] Mami tak ambik [tidak ambil] kira tu [itu] masa, kalau sekolah masa SK Bukit Jambul tu [itu], Mami darjah tiga tu [itu] 1953, 1953 Mami umur 9 je [sahaja] kalau ikut masa sekolah Bukit Jambul, Mami wakil sekolah tu [itu], umur Mami sembilan tahun jadi kalau sekarang dah [sudah] masuk 70 ha ye [ya] lah dah [sudah] masuk 70 tahun, sekarang umur Mami 79 kalau kira macam tu [itu] la kan.

NAFMP : Okay, soalan seterusnya, pernahkah Mami terlibat dengan apa-apa isu atau masalah sepanjang berada dalam dunia seni?

WSWS : Masalah isu?

NAFMP : Ada tak [tidak] apa-apa isu?

- WSWS : Dari segi apa tu [itu]? Isu macam mana tu [itu]?
- NAFMP : Macam ada masalah apa-apa ke dalam bidang seni time [semasa]
Mami terlibat dengan tarian apa ke, ada masalah ke isu ke?
- WSWS : Masalah..
- NAFMP : Contoh Mami dijemput ke mana-mana pastu Mami tak [tidak] boleh
nak pergi ke sebab ada apa-apa isu atau masalah .
- WSWS : Setakat yang tu [itu] takde tapi [tetapi] isu apa eh [ye]? Setakat tu [itu]
takde [tiada] tapi [tetapi] kalau ada soalan berkaitan pahit manis dalam
penglibatan mungkin ada.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PENGLIBATAN TOKOH DALAM BIDANG SENI

NZM : **Pada usia berapakah Mami mula didedahkan dengan muzik?**

WSWS Muzik...muzik.. Kalau ikut menyanyi.. tapi Mami tak pandai muzik tau. Mami perlu nak tegaskan dekat sini yang Mami bukan ahli muzik. Mami boleh menyanyi sahaja tapi Mami tak boleh nak main alat-alat muzik. So, i am not a musician Mami bukan pemuzik. Mami penyanyi, penari dan pelakon. Mami pernah jadi Emcee [pengacara majlis]. Aaa.. Macam tulah [itulah].

NZM : **Dari manakah pendedahan itu berlaku?**

WSWS : Tak terlibat dalam bidang muzik.. tak de [ada] pendedahan

NZM : **Bagaimanakah penerimaan keluarga Mami berkaitan dengan penglibatan Mami dalam bidang seni?**

WSWS : Keluarga ibu bapa atau keluarga suami? Semasa belum berkahwin ke lepas [selepas] kahwin?

NZM : Sebelum berkahwin

WSWS

: Sebelum berkahwin? Okay.. aaaa kalau nak diikutkan.. seni...cabang seni.. kesenian dan kebudayaan ini kalau nak diikutkan pada zaman dulu-dulu memang satu aktiviti ke hobi ke.. Minat ke.. Memang dipandang kurang elok bagi masyarakat dulu-dulu. Kalau kita terlibat ni memang diaorang pandang hina la.. Pandang rendah lah. Zaman dulu kan zaman kolot..bukan macam zaman sekarang. Malah sekarang ibu bapak galakkan lagi anak-anak belajar menyanyi belajar menari hantar school. Masuk ke kelas. Zaman dahulu memang tak berapa bagus la. Anggapan masyarakat terhadap orang seni ni macam apa tu tak baik tak bagus la. Macam dalam cerita P Ramlee tu cerita masam masam manis tu kan bila dapat tahu yang isteri dia menyanyi di kelab tu kan. Duk ingatkan mengajar pergi tu kan.. Tapi mungkin Aina sama Zalikha tak tengok cerita tu [itu] yang dikatakan penyanyi *low class* [kelas bawahan] itu 60-an tu cerita tu. Tapi Mami ni kalau ikut kan mak ayah Mami ibu kandung tu memang dia takkan benar lah takkan izinlah tapi oleh kerana Mami duduk dengan mak angkat tadi dia memang tak marah lah. Dulu kalau ada persembahan apa-apa dulu Mami ingatlah yang ada bapak [bapa] sedara [saudara] Mami adik beradik ayahlah dia duduk Seberang Takir dia ni [ini] dah lah jamang [zaman] dulu [dahulu] orang kuat agama sikit la memang pantang la kalau [kalau] menyanyi-menanyi menari ni memang aaa sebab Mami walaupun Mami cerita peringkat awal tu Mami tak tahu yang dia ni [ini] mak angkat Mami kan. Jadi tak tahu yang ibu kandung Mami ada tu [itu] Mak angkat Mami selalu cerita yang Mami ni [ini] anak dia jelah [sahaja] lah. Bukan anak Wan Kleman dengan Cik Dayang ni [ini]. Bila Mami masuk sekolah darjah berapa entah tengok nama Mami tu Wan Salmah Wan Sulaiman. Mami tanya dia. Pastu dia kata dia suruh Wan Sulaiman tu pergi daftar la lepas bersalin lepas beranok [beranak] tu [itu] jahatlah Wan Sulaiman ni [ini] dia kata dia gi [pergi] letak nama dia binti dia. Jadi, Mami duk pegang la cerita dia duk ingat ke cerita dia. Tapi bila makin besar [besar] tu [itu] makin dewasa tu [itu] pada awalnya nak kata ma²⁹ngkat Mami ni [ini] orang senang sangat tidak jugok [jugak] tapi memang segala keperluan Mami tu dia ikut. Tu yang Mami boleh ngaji [belajar] Sekolah Inggeris tu [itu] kan. Adik beradik

- NAFMP : Nama kawan Mami tu apa?
- WSWS : Aaa. Zubaidah Mydin. Sampai sekarang ni [ini] Mami hari selasa Mami kuor [keluar] dengan dialah. Kita pun ingat jugok [juga] budi baik dia kan. Keluor [keluar] tumpang dia Mami tak [tidak] boleh bawa kereta. Jalan gi round [pusing] kita pergi *breakfast* [sarapan]apa. Sampai bila-bila pun Mami akan ingat. Lepastu [selepas itu] gitu ah [begitulah] ceritanya. Sambung hok [yang] mane [mana] dok tahu [tak tahu] tadi tu [itu] [ketawa]. Ho.. kata itulah jadi Mami rasa pergi ada persempahan tu [itu] masa tu [itu] tak ada jambatan tak ada apa naik motorboat aja [sahaja] kan pergi seberang takir tu ada persempahan lah. Main [pasang] cerita Ratapan Anak Tiri, Mami jadi anak [anak] kononya, pastu malam sampai depan rumah pak [Bapa] sedara [saudara] Mami tu [itu] Mami menyorok lah tengah orang lain yang sama *group* [kumpulan] pergi dengan Mami tu [itu] menyorok sebelah dia lah takut kebetulan dia duduk kat luor [luar] terserempak kang habislah cerita dia [ketawa]. Nasib baik tak tu [terserempak] tapi dia tempat-tempat orang main-main gitu [macam] itu dia tak [tidak] pergi tengok. Nak ceritanya betapa seksanya orang seni zaman dulu [dahulu] bila minat dah ada tapi nak teruskan minat tu [itu]. Bukan macam sekarang ork [kan] ibu bapa hantar lagi.
- NZM : Baiklah, kita sambung dengan soalan seterusnya, siapa yang paling banyak menyokong perjalanan karier Mami dalam bidang seni?

WSWS Kalau sebelum kahwin mak angkat Mami tu [itulah]. Selepas berkahwin suami Mami. Suami Mami pun dia sama-sama menari dengan Mami dekat Darul Ehsan. Tapi oleh kerana dia bekerja di bank dia tak boleh nak terus sebab bank kerja dia lain kan nak cuti-cutu tu susoh [susah]. Kita kadang-kadang nak pergi ke luar pergi show ke sana tarian-tarian di KL. Dia kena recorded [rakaman] tu [itu]. Kerja bank ni [ini] payah kalau nak ambik [ambil] cuti sendiri hmm. Setahun berapa kali gi [pergi] main [menari] di luar Terengganu kan. Jadi suami Mami dia tak boleh nak teruskan lah minat dia dalam seni tu [itu]. Tapi dia sepanjang masa lah dia memang.. Kalau.. Iyelah.. [ya lah] seberapa minat kita pun dalam bidang seni ini atau dalam bidang apa-apalah tanpa izin suami kita tak boleh nak *proceed [teruskan]* kalau suami kita tak izin. Kalau tidak mana boleh Mami sampai ke akhir hayat dia.

NZM : Soalan seterusnya, adakah Mami pernah terlibat dengan mana-mana kumpulan tarian atau muzik dan apakah nama kumpulan tersebut?

WSWS : Tadilah, sebelum adanya kumpulan SUKTRA, Persatuan Darul Ehsan Kuala Terengganu. Tertubuhnya SUKTRA pada 1 April 1974 Mami bersama kumpulan SUKTRA, kumpulan penari dan pemuzik tetap Negeri Terengganu di bawah Pejabat Setiausaha Negeri Terengganu lah. Darul Ehsan tak ada [tiada] lah sebab semua penari dia, pemuzik dia ke semua ni [ini] semua menganggotai kumpulan SUKTRA.

NZM : Ermm.. berapakah umur Mami ketika pertama kali menari?

- WSWS : Kali pertama menari darjah tiga [3] sekolah Bukit Jambol tulah [itulah]. Sembilan [9] tahun masa berlakon tu [itu] walaupun masih kecil [kecil] lagi Mami berlakon bukan menari.
- NZM : **Mengapakah Mami memilih untuk menceburi bidang seni?**
- WSWS : Aaa minat. Minat yang berterusan. Kalau tidak [tidak] kalau tak ada minat tu [itu] dan juga dengan keizinan suami. Ramai orang minat tapi bila dia berkahwin suami dia tak [tidak] izinkan dia jadi terpaksa berhenti la kan. Haa. minat dan juga keizinan dari suami.
- NZM : **Adakah Mami pernah menyangka bahawa Mami akan terlibat dalam bidang seni?**
- WSWS : Tidak sama sekali ya, sebab mula-mula tu [itu] kita macam suka-suka jelah [sahaja lah] sebab wakil sekolah dok [tak] pergi sekolah tu [itu] wakil sekolah. Tiba-tiba bila kita masuk Darul Ehsan tu [itu] baru kita rasa kesungguhan itulah. Bila dah berapa banyak show, bila dah bertanding menang tu kan. Baru minat tu semakin mendalam.
- NZM : **Pada pendapat Mami adakah bidang seni yang puan ceburi ini mencabar?**
- WSWS : Mencabar? Hmm.. dari segi apa tu [itu].
- NZM : Sepanjang terlibat dalam bidang seni ni [ini].

NAFMP : Mami rasa banyak tak [tidak] cabaran dalam bidang seni ni [ini].

WSWS : Cabaran?

NAFMP : Mami rasa cabaran dalam menghafal *step* [langkah] dalam tarian.

WSWS : Pada Mami tak.. tak.. sangatlah sebab kita dah [sudah] dari kecil [kecil] dah minat belajar pun cepat dapat kan. Jadi.. nak kata cabaran besar [besar] sangat tu [itu] dok [tidak] jugak lah. Kalau cabaran apa lagi.. erm.. tak ada [tiada] kot [mungkin] [diam]. Ermm tak ada [tiada] kot [mungkin].

NZM : **Apakah cabaran yang dihadapi oleh Mami pada awal penglibatan dalam bidang seni?**

WSWS : Cabaran? Awal? Tadi tu [itulah] cabaran masa [semasa] kena sembunyi-sembunyi kan dengan pandangan masyarakat kang [kan] terhadap orang seni tu [itu] tak [tidak] berapa bagus [baik] tak berapa elok ni [ini]. Jadi, oleh kerana minat sangat ni [ini] nok [hendak] teruskan jugok [juga] jadi terpaksalah tak nok [tidak mahu] kena bagi. Mami tak.. tak.. ambil kisah apa orang luor [luar] nak kata tapi yang penting tu [itu] keluarga kitalah kan. Takut bila tahu tu [itu] jadi dia dok benor [tidak benarkan] kita teruskan. Selepas Mami kahwin tu tak dok [tiada] masalah lah sebab suami kita izinkan.

- NZM : Pada pendapat Mami, apakah cabaran yang sering dihadapi oleh anak muda yang terlibat dalam bidang seni?
- WSWS : Cabaran?
- NAFMP : Cabaran anak muda buat penari-penari baharu bila terlibat dalam bidang seni ni [ini] apa cabaran dia [nya].
- WSWS : Sebab itu atas individu kan, apa yang kita lalui tu [itu] tak sama kan. Kita.. tak tahu.. kalau ada pun bagi pelajar-pelajar sekolah ke dieorang [mereka] kena pandai bahagikan masa lah waktu belajar dengan waktu terlibat kan dengan aktiviti-aktiviti seni ni [ini]. Aaa. Kira cabaran lah kalau dia [mereka] nak [hendak] ceburkan diri dalam bidang seni ni [ini] dan kena tahu.. bahagi-bahagi masa kalau tidak memang ada setengah ibu bapa *especially* [terutamanya] yang tak ada [tiada] minat mengenai seni ni kang [kan]. Memang dia larang seratus peratus anak masing-masing semua ni ork [kan] takut [risau] menganggu pelajaran ni lah. Tapi kalau dari segi.. tapi anak muda gitulah [begitulah] yang tengah [masih] belajar [belajar] kalu [kalau] yang kahwin tu [itu] cabaran dia kalau suami tak izin tu [itu] memang diaorang [mereka] tak boleh [tidak boleh] *proceed* [teruskan] lah tak boleh nak [hendak] teruskanlah minat di dalam bidang ni [ini]. Kalu dia [kalau dia] kebanyakannya begitu bila dah berkahwin tu memang dia terpaksa berhenti lah. Berapa ramai yang gitu [begitu]. Mami mungkin antara sorang [seorang] yang boleh terus lah selepas berkahwin tu [itu]. Rasanya lah sepanjang penglibatan Mami lah sebab pastu [lepas tu] walaupun kiteorang [kami] tengah aktif bila berkahwin

tu [itu] kiteorang [kami] terpaksa berhenti lah. Jarang yang boleh terus, seingat Mami lah. Kalau tak [tidak] melainkan ada ke tidak. [diam].

NZM : Adakah Mami hanya terlibat dalam seni tarian sahaja?

WSWS : Mami terlibat semua sekali kecuali muzik sebab tak pandai [tidak pandai] lah. Tak pandai lah.. kalau main alat muzik tu [itu] Mami memang tak reti [tidak pandai]. Menyanyi boleh..menari boleh.. tapi.. sama jugak [juga] yang ketuk gamelan tu [itu] kan. Tapi..tak.. tak. boleh lah. Kalau itupun beli keyboard [alat muzik] yang murah-murah tu kang [kan] nok cuba [mahu mencuba] tu dok jadi [tidak menjadi]. Payah.. payah [susah] sikit pada Mami lah.

NZM : **Dimanakah Mami mula membuat persembahan tarian?**

WSWS : Masa sekolah Bukit Jambul, masa umur sembilan [9] tahun dia buat *combined school concert*. Dia makna dia buat combined school concert tu dia buat tu dia pilih beri satu persembahan. Jadi.. sekolah Mami.. sekolah Bukit Jambul tu [itu] kita buat tarian. Dia combined school concert ni [ini] sempena dengan Poppy Day kalau sekarang ni [ini] hari yang derma Pahlawan tu [itu]. Dulu Poppy Day lah diamna dia buatlah bendera kecil [kecil] tu kang [itu kan] yang masuk tabung tu lah yang derma tu kan. Lima [5] sen [10] sen bagi lah. Masa dulu berapa sangat lima [5] sen gitulah [begitu lah]. Boleh katakan setiap tahun dia ada combined school concert tu [itulah]. Dan setiap tahun tu [itu] dia jemputlah salah satu sekolah Sekolah Sultan Sulaiman *primary school* [sekolah rendah]. Sekolah-sekolah yang besor-besor [besar-besar] dalam Kuala Terengganu lah tak [tidak] banyak sangatlah pada ketika itu. Tapi.. sekolah Mami Sekolah Kebangsaan Bukit Jambul tu sekolah yang salah satu sekolah yang dipilih.

NZM : **Apakah contoh seni tari yang Mami pernah terlibat?**

- WSWS : Tari? Tari yang Mami pernah terlibat? Sebenarnya [sebenarnya] Mami banyak jenis tari lah ya, selain daripada tarian yang kita panggil Tarian Rampai. Dimana Tarian Rampai ni yang seluruh Malaya ataupun seluruh Malaysia tu [itu] semua orang tahu yan tarian zapin, tarian inang, tarian joget, tarian asli. Ni [ini] rampaian ni [ini] maknanya seluruh.. pada ketika itu seluruh Malaya..yang ni [ini] kita kata seluruh Malaysia lah. Aaaa.. orang tahuolah tarian-tarian ini..Lagi tu [itu] tarian Rakyat.. tarian rakyat tu [itu] dia lain dari yang lain. Lain negeri dia lain tarian. Kita peringkat awal dari dalam Darul Ehsan tu tarian rakyat tu [itu] tarian yang lagu-lagu rakyat kita buat tarian rakyat. Antaranya ialah Jongjong Inai, ada lagu apa tu [itu] Pintal tali ada juga lagu yang Ulek Mayang pun ada masa Mami dalam Darul Ehsan. Lagu Ulek Mayang tu [itu] diperkenalkan dalam Darul Ehsan lah akhir 60-an. Di situ jugak [juga] lagu Ulek Mayang dicipta dalam Darul Ehsan lah oleh arwah Cikgu Mazlan Embong, arwah Azizi Sulaiman. Lepastu [selepas itu] Mami menari tarian Ulek Mayang tu [itu] pernah menari jadi puteri tujuh [7]. Kalau Mami menari Saudari Fatimah Embong akan menyanyi lagu Ulek Mayang. Kalau Mami tak menari [tidak menari] Mami menyanyi mengiringi. Kalau rakaman untuk Tv [televisyen] kita *record* [rakam] dulu [dahulu] lagu Ulek Mayang kita *rekod* dulukan pakai kaset tu [itu]. Kita record dulu Mami nyanyi kita bawa lagu tu [itu]. Kita pergi KL [Kuala Lumpur] untuk TV1 ke RTM ke kita mainkan kaset tu Mami menari lah. Lepastu [selepas itu] Mami jugok [juga] akhir 1969 tu Mami dah tak menari [tidak menari]. Gamelan telah dihidupkan kembali selepas 25 tahun gamelan tidak dipersembahkan selepas kemangkatan Sultan Sulaiman dan jugok [juga] kemasukan Jepun ke Terengganu. Jadi, 25 tahun tak ada [tiada] jadi akhir 1969 tu [itu] dia dihidupkan kembali. Jadi pada masa tu [itu] Mami lagi tidak [tidak lagi] terlibat. Pada mula-mula tu Mami tidak lagi terlibat kerana Mami bersalin anak Mami yang nombor mula-mula

tu lepas bersalin anak Mami yang ketiga. Lepas tu [selepas itu] dieorang [mereka] dalam bincang-bincang tu [itu] lepastu Mami rapat sikit [dekatkan jarak] mengandung pula tahun 1969 tu Mami mengandungkan anak Mami yang nombor empat [4]. Jadi, *first time* [pertama kali] orang perform tu Mami tidak terlibat lah sebab Mami mengandung dan bersalin kan. Lepas Mami berpantang tu [itu] Mami mula-mula penglibatan dalam gamelan ni [ini] dengan menyanyikan lagu Timang Burung mengiringi tarian timang burung Mami terlibat dalam gamelan lah. Mami menyanyi dulu lepas tu Mami menari lah. Aaaa. dan menyanyi tu sehingga sekarang lah kalau ada jemputan. Lepastu [selepas itu] tarian-tarian lain pun kita pernah buat jugoklah [jugalah] dalam Darul Ehsan dalam SUKTRA tarian-tarian biasa yang lain. Kita pernah buat tarian-tarian kipas, tarian payung, kuta pernah buat tarian tari Selasih ku Sayang. Banyaklah.. kalau kirakan tu memang banyak jugaklah tarian Mami bolehlah serba sikit tu [itu]. Aaa pernah menari dan boleh menari.

- NZM : **Adakah Mami terlibat dengan seni tarian sahaja?**
- WSWS : Tak..Mami terlibat dengan semua sekali kecuali muzik ye.
- NZM : **Bolehkah Mami berkongsi lebih lanjut dengan kami mengenai bidang yang Mami terlibat selain dari seni tari?**
- WSWS : Erm..seni nyanyi..seni lakon.Ermm apa lagi ye?
- NZM : Erm pengacaraan?
- WSWS : Ya, pengacaraan pun Mami terlibat pengacaraan untuk majlis sukan, pengacaraan untuk majlis-majlis.. apa-apa majlis lah orang jemput. Sampaikan majlis kahwin la orang jemput Mami pernah. Iyalah banyak jugok [juga] lah.
- NZM : **Apakah keistimewaan bidang ini?**
- WSWS : Bidang apa tu?
- NAFMP : Bidang seni tari.

- WSWS : Sebab pada Mami kalau kita ubah suai, modified. Jadi generasi akan datang, anak cucu kita akan datang tu tidak akan kenal gamelan dan ulik mayang ni yang asal. Jadi bila dia tengok dia ingat [dia fikirkan] hok ni [yang ini] yang menyanyi. Jadi Mami tak sukalah kalau ada mana-mana kumpulan yang ubah suaikan tarian dua ni lah tarian gamelan dan ulek mayang ni. Tapi kita tak boleh nak paksa orang atau group-group lain atau koreografi lain untuk tidak mengubah dia atas kreativiti koreografi orang lain lah. Dia atas kreativiti-kreativiti tapi pada Mami memang tak sukalah tengok yang diubah. Mami lagi suka tengok yang keaslian dan keunikan. Sebab kalau gemelan ni [ini] kecantikan tariannya terletak pada pergerakan tarian yang asal. Jadi bila ubah pada mami nya dia tidak akan nampak cantik dah. Kalau tanya pendapat orang mesti orang kabo [cakap] Mami orang lama mesti Mami suka yang lama kan. Sebab kalau kita sendiri takkekalkan keaslian seni budaya warisan kita ni [kita ini] maknanya rosak habis lah seni tu [itu].
- NZM : **Bilakah Mami mula terkenal dan dikenali ramai?**
- WSWS : Dikenali ramai dalam?
- NZM : Dalam bidang seni ini?
- WSWS : Macam mana Mami nak kata eh? [ketawa]. Awak tanya Mami macam mana Mami nak kata bila Mami terkenal.
- NAFMP : Macam Mami dikenali ramai.

WSWS : Iyalah. Macam mana Mami nak kata eh sebab Mami sendiri pun tak tahu. Sedor-sedor orang dah kenal kita kan. Sebab Mami nak kata nak kira tu sebab dah lama jadi Mami.. penglibatan Mami tu kan [itukan]. Masa Mami dalam Darul Ehsan pun mungkin masa tu orang dah mula kenal, terlibat pula dalam SUKTRA. Masa dalam Darul Ehsan tu Mami tidak banyak lagi persatuan. Persatuan Belia di Kuala Terengganu khusunya. Mungkin tidak banyak lagi pada waktu itu. Darul Ehsan ni [ini] merupakan persatuan yang terkenal lah dan juga oleh keran dia juga boleh pernah mewakili negeri Terengganu kita bertanding di peringkat negeri kita menang peringkat kebangsaan, peringkat Tanah Melayu.. peringkat Malaysia. Jadi mungkin dari situ pun orang dah mula kenal Mami. Dan juga masa dalam SUKTRA pun dalam SUKTRA dia lagi terdedah banyak sebab masa dalam SUKTRA banyak persembahan-persembahan yang kita buat. Sebab dia bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan. Dia kalau ada apa-apa *function* [majlis] sekali pun kebiasannya majlis rasmi ke tak rasmi ke kumpulan SUKTRA ni [ini] akan membuat persembahan lah sebab dia dibawah kerajaan negeri. Kalau ada peringkat wakil di Terengganu ada Malaysian Festival ke ada jemputan apa-apa ke memang SUKTRA lah akan apa tu dijemput membuat persembahan. Bila dah terkenal di peringkat Malaysia tu [itu] Mami rasa dari situ Mami dah pun orang kenal lebih lagi lah masa dalam SUKTRA kan. Rasa Mami begitu lah. Tapi sekarang ni [ini] dengan banyaknya ada dekat *Youtube* tu [itu] kan, video-video Mami menyanyi lagu-lagu gamelan. Ada juga audio album Senandung Terengganu tu mana Mami ada lagu ulek Mayang yang Mami menyanyi dan juga ada juga temu bual orang dengan Mami tentang ulek mayang ni [ini]. Tentang gamelan ni mungkin..kebanyakannya tentang ulek mayang lah. Dari situ bila orang

menonton apa tu video-video tu sedikit sebanyak orang kenal lah Mami melalui video sebegitu.

NZM : **Pernahkah Mami menjadi penari latar untuk mana-mana persembahan artis di Malaysia?**

WSWS : Penari latar? Tak ada. Penari dalam filem tu adalah [itu adalah]. Dalam filem yang Mami kata dalam filem Cucu Dato Merah. Menari dalam tu adalah.

NZM : **Sepanjang terlibat dalam bidang seni, apakah pengalaman manis dan tidak boleh Mami lupakan?**

WSWS : Pengalaman manis? Erm.. dapat membuat persembahan di Hong Kong sempena The Night Asean Art Festival DI Hong Kong 1984. Juga berpeluang membuat persembahan di Europe bermula dengan di Frankfurt di Germany, di Milan Itali, di Amsterdam Holan, di Paris France, di London, United Kingdom dan di Zurich Switzerland. Pada tahun 1988, sempena Misi Penggalakan Pelancongan Malaysia ke beberapa negara Eropah dan negara-negara tadi tu [itu]. Pada Mami tu itu adalah satu kenangan manis lah sebab bukan senang untuk kita dapat pergi ke luar negara tu tanpa kalau dengan duit sendiri. Memang tak ada [tiada] harapanlah kalau tak ada [tiada] duit kan. Kalau kita ada duit sendiri pun baik kita pergi buat haji. Tapi oleh kerana semua ni [ini] adalah percuma maknanya Cuma duit poket pun dieorang [mereka] bagi Cuma nak bawa duit sendiri tu [itu] tambah jelah kan [sahajalah kan]. Jadi, pada Mami itu seronoklah.

NZM : **Pada pendapat Mami, apakah keunikan bidang seni tari?**

WSWS : Keunikan bidang seni tari? Kalau khusus gamelan tu [itu] memang ada dia punya keunikan sebab gamelan ini pada Mami lah satu tarian yang lain dari yang lain. Aaaa dia punya gerak tari tu dengan dia punya muzik gamelan itu sendiri tu [itu] dia sangat unik yang Mami susah nak cerita nak luah dengan perkataan macam mana nak jelaskan. Tarian ulek mayang pun begitu dia lain sikit lah daripada yang lain. Tarian-tarian Mami pun iyalah macam tarian rakyat kita pun dia cantik dan kata orang Terengganu dia molek [cantik] dengan cara dia yang tersendiri lah. Sebab tarian rakyat ni [ini] dia berbeza dengan tarian-tarian rakyat di tempat-tempat lain kan. Jadi sebagai anak seni Terengganu sendiri memang pada mami tarian-tarian kita ni memang ada keindahan dan kecantikan yang tersendiri lah.

NZM : **Dari manakah Mami belajar untuk mencipta apa-apa tarian?**

- WSWS : Mami bukan seorang koreographer kalau [kalau] dalam Darul Ehsan tu [itu]. Kita ada koreographer kita sendiri dan jurulatih. Mami hanya seorang penari lah. Kalau dalam SUKTRA tu [itu] Mami hanya penolong jurulatih gamelan sahaja. Kita membantu jurulatih tapi yang mengajar tu koreograph tu jurulatih lah. Semasa Mami dalam pendidikan ni dia setiap negeri dia mesti ada Persatuan Sukan dan Kebudayaan perkhidmatan pendidikan. Setiap negeri dia ada. Dan dia dua [2] tahun sekali adakan pertandingan tarian dalam Pesta Sukan dan Kebudayaan perkhidmatan pendidikan seluruh Malaysia lah. Jadi, setiap negeri tu dia akan ambil bahagian lah dalam pertandingan itu. Semasa Mami dalam pendidikan tu [itu] Mami menari jugok [juga] wakil negeri Terengganu pendidikan ni [ini]. Mami membantu cikgu-cikgu, dia terbuka kepada cikgu-cikgu lah dan perkhidmatan pendidikan lah tak kira kerani ke apa-apa. Mami merupakan salah seorang penari dalam bidang pendidikan ini dan membantu juga lah guru-guru dengan berkongsi pengalaman. Semasa Mami dalam JPA Mami diminta ada setiap tahun JPA ada buat majlis jamuan makan malam untuk staff JPA. Semasa Mami berada di sana tu [itu] Mami diminta untuk melatih staff-staff di JPA melatih tarian untuk buat persembahan malam itu. Soalannya tadi dari mana Mami belajar untuk mencipta seni tari melalui pengalaman Mami lah sebagai seorang penari sepanjang masa jadi bila Mami ditugaskan untuk membuat tarian tu [itu] jadi pengalaman lepas Mami dalam bidang tarian inilah Mami gunakan untuk mencipta tarian semasa di JPA dan juga semasa di pendidikan jugok [juga] semasa dalam PUSPANITA bila PUSPANITA ada function [majlis] apa-apa jadi pengalaman lepas Mami lah Mami gunakan untuk mencipta tarian.

- NZM : **Pada kebiasaannya, berapa lama masa yang akan diambil oleh Mami untuk mempelajari sebuah tarian?**
- WSWS : Berapa lama untuk mempelajari? Sebenarnya kalau tarian-tarian biasa tu [itu] sebab Mami ada basic tarian tu jadi tak susah sangat lah untuk mami belajar tu. Jadi yang susah sikit tu tarian gamelan tu dia lain sikit. Jadi, peringkat awal penglibatan Mami dalam gamelan tu lama sikit lah makan masa lah lepas pada kita dah boleh menari tu. Nak mahir tu [itu] tak ambik [tidak ambil] masa yang lama lah.
- NZM : **Saya sambung soalan yang seterusnya ya adakah Mami pernah membuat persembahan tarian seorang diri?**
- WSWS : Seorang diri? Tak pernah.
- NZM : **Apakah kelebihan dan kekurangan apabila terlibat dalam dunia seni?**
- WSWS : Kelebihan? Hmm. Berpeluang untuk mungkin ke luar negara. Kekurangan? Mungkin kekurangan masa.
- NZM : **Adakah terdapat perkara yang Mami tidak suka sepanjang berada dalam dunia seni?**

- WSWS : Yang Mami tidak suka? Hmm... apabila ditikam dari belakang oleh golongan seni juga. Sepatutnya golongan seni akan lebih faham bukan memahami kita. Tapi bila dia condemn [mengutuk] dari belakang jadi pada Mami tu maknanya tak patutlah kan. Kalau orang luor [luar] tak tahu [tidak tahu] tak reti [tidak pandai] nak menilai nak kutuk tu kita okay lah kan. Kita boleh terima lah kan.
- NZM : **Jika diberi peluang, siapakah seniwati atau seniman yang ingin dipilih oleh puan untuk digandingkan bersama?**
- WSWS : Hmm.. macam mana ye nak cakap. Sebenarnya kalau nak ikutkan tu nak juga bergandingan tapi pada Mami kita rasa kita tidak cukup bagus untuk bergandingan bersama dengan artis-artis yang famous ni lah. Kita rasa bagi pendapat bagi Mami sendiri lah. Sebab kita tak tahu apa pandangan orang-orang sinilah macam Mami ni lainlah. Mami rasa Mami ni [ini] tidak setaraf lah untuk digandingkan dengan artis-artis yang popular yang famous. Melainkan dieorang [artis] tu yang rasa nak berganding itupun kalau ada nak berganding dengan kita. Mungkin atas sebab-sebab dari segi suara mungkin tidak setaraf dengan dia. mungkin dia [artis] nak berganding dengan Mami tu [itu] kerana Mami ni [ini] orang lama yang bawa lagu-lagu macam seperti ulek mayang dan gamelan tadi. Lagu-lagu yang versi asal. Itupun kalau ada. Tapi kalau dieorang [artis] offer [menawar] tu nak lah jugok [mahulah juga]. Tapi tak mungkin la dia nak berganding dengan Mami dan Mami pun rasa Mami sendiri tidak cukup bagus untuk digandingkan bersama dengan dieorang [artis].

- NZM : Adakah Mami mempunyai pembantu peribadi untuk menguruskan hal-hal seperti jadual atau kontrak?
- WSWS : Tidak.
- NZM : Pada pendapat Mami, apakah ciri-ciri istimewa yang ada pada Mami yang membezakan Mami dengan seniwati-seniwati yang lain?
- WSWS : Hmm.. [diam]. Kalau tanya Mami soalan yang macam tu, Mami ni jenis orang yang *low profile* sikit [sedikit]. Jadi Mami rasa Mami memang jauh sangat la. Mami ni [ini] duduk di tangga yang paling bawah.
- NZM : Pernahkah Mami menghadapi tahun yang menyukarkan sebagai seorang anak seniwati?
- WSWS : Sebelum tu, Mami nak tanya atau bukan nak tegur. Cuma, takrif seniwati yang diberikan kepada Mami tu [itu] adakah Mami layak dipanggil seniwati. Sebab Mami rasa dalam sebutan atau nama seniwati ti [itu] cukup besar dan cukup tinggi. Jadi, Mami rasa Mami tidak layak dengan panggilan itu. Jadi, kalau tak sebut seniwati sebut apa jadi?

NZM : Pernahkah Mami menghadapi tahun yang menyukarkan sebagai seorang penari?

WSWS Seorang anak seni lah. Mami tak berapa suka guna perkataan seniwati. Dia macam ni eh.. Mami punya prinsip hidup berapa ramai orang yang sukakan kita ramai tu [itu] juga orang yang tidak sukakan kita. Jadi, bagi orang sukakan kat kita, hargai perjuangan kita dalam bidang ni [ini]. Apa yang kita buat tu [itu] semua bagus kan. Elok, molek cantik di pandangan mereka. Tapi bagi orang yang tak suka dekat kita. Kita kena tahu bukan semua orang suka dekat kita. Sape-sape [siapa-siapa] pun lah bukan orang seni. Jadi, bagi orang yang tak suka dekat kita ni. Walau bagaimana molek, cantik, baik sekalipun kita pada mereka yang tidak suka ni, ada sahaja yang tak [tidak] bagus. Ada saja cacat cela kita dimana-mana. Mami selalu pegang prinsip itu. Macam mana eh?

NAFMP : Maksudnya tahun mana yang Mami rasa menyukarkan?

WSWS : Errmm.. dalam tempoh penglibatan Mami dalam bidang seni dan budaya ni [ini]. Kalau nak kirakan tu [itu] setiap tahun ada masa yang sukar untuk kita. Kalau nak kira kan. Tapi.. dia akan jadi lebih sukar dan payah bila ramai orang yang mengata dekat kita bila kita berada agak tinggi. Apabila kita dapat apa-apa anugerah,macam yang Mami cakap tadi lah kan. Bila orang yang tak sukakan kita tu. Bila kita berada di atas dan kita dihargai oleh jawatan tertentu. Jadi dia mula timbul lah keluar sok sek [mengata] pasal kita benda-benda yang tak elok lah. Yang lebih menyakitkan tu [itu] macam yang Mami katakan tadi lah. Bila luahan, kritikan tu datang dari orang seni juga.

- NM : **Adakah Mami pernah merasa berpuas hati dengan tarian Mami sepanjang penglibatan dalam bidang seni tarian?**
- WSWS : Puas hati? Menari ni kita menari dalam kumpulan. Bukan kita menari solo. Kalau kita menari solo ni [ini] elok tak elok, cantik tak cantik ni dia akan kelihatan jelas terpandang. Jadi bila kita menari dalam kumpulan, tumpuan mata tu penonton tu kepada semua penari. Tapi Mami ni memang perangai Mami ni apabila Mami lakukan sesuatu Mami akan lakukannya dengan sungguh-sungguh, sepenuh hati, sehabis baik. Sehabis molek la kata orang Terengganu. Sehabis cantik yang boleh. Kadang-kadang sama-sama antara penari kita pun akan bercakap dekat belakang yang Mami ni kadang-kadang over [lebih-lebih] kalau berlakon over acting. Sebab Mami kalau masa lakonan pun Mami akan buat sungguh-sungguh dan sehabis baik yang sungguh-sungguh la. Kalau perlu senyum tu masa berlatih tu Mami terus senyum dah. Pada Mami, agak sukar untuk kita senyum bila time menari baru kita senyum sebab time berlatih kita tak senyum kan. Jadi sebab tulah bila Mami berlatih menari tu Mami dah senyum. Jadi, pada setengah penari-penari kita pun kadang-kadang dah la Mami yang paling tertua sekali dalam group kan. Daripada mula-mula libatkan diri Mami kiranya yang paling tua lah walaupun pada ketika tu Mami baru awal 20- an.tapi kita kira-kira kita yang paling tua lah. Tapi itulah kadang-kadang mereka sok sek [bercakap belakang] macam seolah-olah kita ni over lah. Buat lebih-lebih melampau-melampau lah. Tapi kita ni sikap semula jadi tu. Mami kalau apa-apa Mami bukan bahagian seni sajalah apa-apa bila kerja tu Mami akan buat sungguh-sungguh. Mami duduk dekat mana-mana. Mami bukan nak puji diri sendiri. Tapi Mami memang Mami kalau diberi tugas apa-pun memang kita buat

betul-betul buat sungguh-sungguh kan. Begitulah juga dengan bidang seni.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN/ ANUGERAH DAN SUMBANGAN

NAFMP : Apakah pencapaian dan anugerah terbesar yang pernah dicapai sepanjang terlibat dalam dunia seni?

- WSWS : Sebenarnya Mami ni [ini] banyak juga la anugerah tu [itu] kan, dan Mami ikhlas hati Mami rasa bersyukur sangat-sangat pada Tuhan, bangga sangat dengan pencapaian tu [itu] sebab apa yang Mami dapat tu [itu] adalah semata-mata atas khidmat bakti Mami dalam bidang seni dan budaya. Kalau katakan pingat-pingat bintang tu [itu] sebab Mami memang tak [tidak] bahagian politik tu [itu] memang Mami tidak campur langsung, Mami memang tak [tidak] aktif lah bidang-bidang politik ni, mintak [minta] maaf la Mami memang tak [tidak] campur. Jadi kalau apa-apa anugerah Maami dapat tu [itu] memang atas khidmat bakti Mami kepada negeri dalam bidang seni. Jadi Mami yang Mami dapat tu Mami sebut yang besar-besar je [sahaja] la ye [ya], Mami dapat PJK [Pingat Jasa Kebaktian] oleh ke Bawah Duli Maha Mulia Sultan Terengganu pada tahun 72 [1972], tahun 79 [1979] Mami dapat PPN [Pingat Pangkuhan Negara] 1979 oleh sepatutnya Yang Dipertuan Agong tapi [tetapi] masa Mami dapat tu [itu] Timbalan Yang Dipertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia ke bawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang Dipertuan Agong lah, 1992 Marni dapat AMT [Ahli Mahkota Terengganu] oleh ke bawah Duli Yang Mulia Sultan Terengganu di samping itu Mami dapat Darjah Kebesaran pastu [selepas itu] tahun 87 [1987] Mami dapat anugerah Khidmat Cemerlang Negeri Terengganu di samping tu [itu] kegiatan seni kita tu [itu] Mami dari segi perkhidmatan Mami dalam kerja lah. Khidmat kerja lah dua tiga tempat Mami kerja tu [itu] di samping aktiviti-aktiviti luar yang Mamisertai. Yang Mami sebut yang besar je lah lepastu [selepas itu] 2015 tu [itu] Mami dapat Tokoh Budaya Sekolah Sultan Sulaiman, 2016 Mami dapat tokoh Budaya Negeri Terengganu 2016, yang tu [itu] oleh JKN [Jabatan Kebudayaan Pelancongan] tu [itu] Terengganu la. Yang tu [itu] yang besar-besar la, yang ouh, ya April 2018 Mami merupakan salah seorang penerima anugerah bahagian seni jugak [juga] tapi sempena dengan oleh MB [Menteri Besar]

Terengganu sempena dengan himpunan anak seni, himpunan anak seni seluruh negeri dia satu daerah tu [itu] dia bagi tiga orang jadi untuk Kuala Terengganu tu [itu] Mami salah seorang lah daripada tiga lepastu [selepas itu] Oktober 2018 jugak [juga], tadi April , Oktober 2018 Mami dapat Anugerah Tokoh Gamelan, Tokoh Gamelan Melayu Terengganu oleh kerajaan negeri Terengganu. Itu lah antara anugerah-anugerahnya. Oh yang salah satu lagi besar juga dalam, salah seorang dari 1992 jugak [juga] rasanya salah seorang daripada lima orang dia tahun tu [itu] dia takde [tiada] tokoh budaya negeri yang tu [itu] negeri Terengganu lah JKKN [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] 2016, takde [tiada] tokoh budaya yang layak jadi dia bagi [beri] kepada lima orang, Mami salah sorang [seorang] Anugerah Khas Juri Tokoh Budaya negeri Terengganu sebab dia takde [tiada] tokoh budaya pada tahun tu [itu] jadi dia bagi [beri] kepada lima orang, Mami antara salah sorangnya [seorangnya] Mami. Ada arwah cikgu Mazlan Bong yang buat lagu Ulek Mayang, ada yang buat bot, buat bot tu , ada yang Ayahku tu [itu] dia pemain gamelan yang asal Istana Kolam dulu. Dia sorang [seorang] dan ada sorang [seorang] lagi tu [itu] dia orang Terengganu yang banyak buat skrip-skrip filem semasa P.Ramlee apa tu [itu]. Dia pernah buat la, salah seorang dia orang Terengganu jugak la tapi dia memang meninggal pun sampai di KL [Kuala Lumpur] la, yang lain-lain tu [itu] kecik [kecil] tu [itu] takyah [tidak perlu] lah sebut.

NAFMP : Okay soalan seterusnya, adakah Mami pernah menerima penganugerahan lain selain daripada bidang seni tarian?

WSWS : Yang itu sudah secara umum tu [itu], yang Mami dapat tadi tu.

NAFMP : Kiranya anugerah lain selain daripada yang seni takde [tiada] la?

WSWS : Takde [Tiada], dalam bidang seni je [sahaja]. Seni tu [itu] meliputi semua lah ye [ya], penglibatan Mami tu [itu] melainkan Anugerah Gamelan tu [itu] , Anugerah Gamelan tu [itu] khusus untuk gamelan sama ada menari atau menyanyi tu [itu] sebab Mami involve [terlibat] dua. Ada orang involve [terlibat] tarian sahaja kan kalau gamelan tu [itu] tapi memang anugerah yang tu [itu] memang khusus untuk gamelan, Mami menyanyi, menari. Ada yang dua orang lagi dia tahun tu tiga orang dapat Anugerah Tokoh Gamelan Melayu Terengganu tu [itu] jadi sorang [seorang] tu [itu] dia bahagian tarian saja [sahaja] , sorang [seorang] tu [itu] arwah Najwan Latip tu [itu] dia bahagian muzik dan juga dia mengajar yang Mami kata tadi kawan dia tu [itu] Zahrah Hamid tu [itu] dia khusus bahagian tarian. Macam Mami ni [ini] dua Mami menyanyi dan menari gamelan kan, yang lain tu [itu] semua atas bidang seni. Maknanya bukan tarian saja [sahaja] la.

NAFMP : Okay soalan seterusnya, pada usia sekarang apakah terdapat apa-apa pencapaian yang ingin Mami kecapi?

- WSWS : Ingin kecapi? Mami rasa lah di usia sebegini kalau pun ingin Mami kecapi ataupun rasanya kot dengan kurangnya penglibatan Mami di usia begini kan, maknanya penglibatan kita dah [sudah] agak slow [perlahan] sikit, sudah berkurangan jadi Mami tidak berharapkan ataupun mimpikan ataupun panjatkan apa-apa lah sebab Mami rasa, I think I don't deserve it anymore [saya rasa saya tidak layak lagi], rasa macam dengan apa sumbangan kita sekarang ni [ini] tu [itu] tidak wajar lagi kita ni [ini] dihargai oleh sesiapa sebab kurangnya sumbangan kita lah pada pendapat Mami kot ada orang yang pihak-pihak tertentu yang appreciate [menghargai] hargai, masih hargai Mami walaupun di usia begini sekurangnya ada juga Mami masih, masih menyanyi lagu-lagu gamelan ataupun masih menyumbangkan bakti Mami membantu student-student [pelajar-pelajar] macam uols [awak semua] ni [ini] kan, kot ada orang yang tahu dan diorang [mereka] appreciate [hargai] apa yang Mami buat, kot-kot ada diorang [mereka] nak [hendak] hargai tu [itu] Wallahua'lam lah tapi bagi pihak Mami, Mami tidak mengharapkan dan mengimpikan apa-apa lagi la di usia sebegini.
- NAFMP : **Soalan seterusnya, adakah terdapat perubahan yang berlaku pada keluarga Mami disebabkan perkembangan karier Mami?**
- WSWS : Takde [Tiada].
- NAFMP : **Soalan seterusnya, adakah Mami pernah bekerjasama dengan mana-mana agensi luar negara berkaitan dengan seni tari?**
- WSWS : Takda [Tiada].

- NAFMP** : **Soalan seterusnya, adakah Mami pernah membuat persembahan di mana-mana stesen rakaman radio?**
- WSWS** : Persembahan? Tadi lah RTM [Radio Televisyen Malaysia] yang Mami cerita, pernah menjadi artis sambilan, menyanyi dan berlakon RTM [Radio Televisyen Malaysia] Terengganu, pernah berlakon dalam drama-drama tv [televisyen] tak [tidak] kira lah TV3 ke TV1 ke TV2 ke, pernah menyertai tu [itu] kalau ada program tarian-tarian yang dijemput daripada ni [ini] lah daripada kumpulan Mami ni [ini] untuk rakaman di stesen tv [televisyen] tu [itu] untuk siaran pernah la, pernah jugak [juga] di temubual macam ni [ini] especially [terutama] tentang Ulek Mayang lah di stesen tv [televisyen] di TV1 pernah interview [temubual] Mami, TV3 pernah, dulu pun TV Singapura pun ada datang buat shooting [penggambaran]. Ada lagi, ada yang syarikat-syarikat swasta yang dapat kontrak untuk TV program. Ada dua tiga yang Mami tu [itu] yang di datang interview [temubual] la, datang interview [temubual] dia katakana dia dapat kontrak tu [itu] berapa siri siaran di tv [televisyen] kan mengenai kebudayaan di negeri-negeri ke gitu [begitu] la. Jadi Mami pun ada, ada jugak [juga] lah, berapa kali ye [ya].. adalah dalam tiga empat kali gitu [begitu] lah yang di interview [temubual] untuk program tv [televisyen].
- NAFMP** : **Okay, soalan seterusnya adakah Mami mempunyai projek terkini yang berkaitan bidang seni yang boleh dikongsi serba sedikit?**
- WSWS** : Projek seni?

- NAFMP : Projek terkini. Macam ada macam Mami kena apa terlibat dengan apa-apa tari ke.
- WSWS : Terkini, takde [tiada]. Di Terengganu sekarang ni [ini] memang tak [tidak] boleh, jadi Mami tak [tidak] ada, so far [setakat ini] takde [tiada] jemputan apa-apa lah, dia kalau private [persendirian] majlis private [persendirian] yang tertutup mungkin boleh tapi kalau yang open [terbuka] sikit terbuka memang tak [tidak] boleh.

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: PENDAPAT/ PANDANGAN/NASIHAT

NZM : **Apakah perkara yang penting yang Mami mahu orang lain tahu mengenai bidang seni?**

WSWS : Ermm.. pada Mami sebagai insan seni yang dah [sudah] lama berkecimpung dalam bidang ini. Yang telah melalui pengalaman pahit manis suka duka dalam bidang ni [ini] Mami rasa khusunya kepada ibu bapa tak [tidak] perlu risau bimbang susah hati jika ada anak-anak cucu mereka yang berminat dalam seni dan budaya ini. Sebab sepanjang penglibatan Mami ni [ini] dalam mana-mana kumpulan sekalipun kami seperti satu keluarga. Jadi, setakat Mami dengan pengalaman yang Mami lalui walaupun dah lama tu kira sebagaimana yang Mami cerita tu Mami yang paling tua daripada muda-muda yang terlibat orang yang berkeluarga. Apa yang Mami lihat dalam yang Mami terlibat lah kami semua seperti keluarga tak ada berlaku apa-apa perbuatan yang tidak baik antara kami. Parents tidak perlu risau la kalau anak-anak mereka suka untuk ceburi bidang seni. Mami kata gini tu [begini tu] sebab pengalaman Mami lah tetapi kalau dengar group lain tu Waallahualam. Sepanjang Mami terlibat kita tidak pernah kata ada apa-apa perbuatan, tingkah laku yang tak elok. Kalau mereka terlibat dalam bidang ni pun mereka merupakan salah satu aktiviti yang sihat dan baik kan daripada untuk mengisi masa lapang mereka daripada mereka terlibat dengan sesuatu yang lain ni [ini] pada Mami tidak bagus lah. Jadi, lebih baik mereka terlibat dengan bidang seni dan budaya dengan mengekalkan, memartabatkan seni budaya kita sendiri.

- NZM : **Adakah umur menjadi penghalang untuk Mami bergiat akif dalam industri seni tari?**
- WSWS : Umur? Pada Mami tidak ada penghalang. Tapi yang penting sekali tu sebagai seorang wanita yang bersuami yang paling penting dan mustahak sekali ialah keizinan suami. Kalau berapa minat macam mana sekalipun kalau suami tak izinkan memang kita tak boleh nak teruskan lah sampai ke usia begini. Mami pun lepas arwah Bat suami Mami meninggal kan Mami masih terus sebab masa ada arwah pun tidak halang jadi dia meninggal 2019. Mami masih terus cuma dalam bidang tarian tu [itu] kuranglah. Tapi kalau mengajar tu [itu] ada masa Mami sihat. Menyanyi tu kalau gamelan tu [itu] Mami masih terus menyanyi lah. Kalau ada jemputan lah kan. Kalau dekat Terengganu ni boleh kata tak ada atau kurang lah. Melainkan majlis tertutup kan. Tapi kalau belah luar dari Terengganu macam Mami cerita yang Istana Budaya panggil Mami masa 2020 tu. Mami masih pergi lah perform tu walaupun tahun 2020. Cuma dalam bidang tarian tu tak [tidak] lagilah. Cuma khidmat nasihat kalau mintak tolong betulkan pergerakan sikit-sikit tu dimana khidmat bakti keluarga kita orang perlukan tu Mami tolonglah bila orang panggil. Orang jemput.
- NZM : **Sebagai seorang anak seni, apakah pandangan Mami terhadap industri tari pada masa kini?**

WSWS : Kalau tarian-tarian tradisional kita boleh berkembang maju tapi kalau di Terengganu sendiri dalam keadaan negeri kita yang mengehadkan aktiviti seni mengenai wanita tu untuk berkembang tu [itu] macam susah sikit lah kan. Kalau diluar Terengganu tu industri seni mungkin boleh maju tapi bergantung pula kepada negeri-negeri yang agak ke depan dari segi kemajuan sebab dia kan bandar-bandar besar [besar]. Tarian-tarian yang kreatif moden tu kalau di tempat bandar-bandar besar sebab demand orang nak tarian-tarian begitu lebih besar dan banyak. Seperti juga yang Televisyen ni ada juga yang ada program-program yang memerlukan penari latar. Macam program Tv macam Gegar Vaganza yang memerlukan penari-penari latar. Kebanyakannya adalah tarian-tarian moden tarian kreatif memang boleh majulah dekat bandar-bandar besar [besar] tu sebab permintaan tu ada. Kalau tarian-tarian kita ni tarian tradisional kita ni Mami rasa hanya program-program tertentu yang biasanya nakkan tarian-tarian tradisional kita ni. Katakan satu show tu khusus untuk tarian-tarian tradisional kan baru lah. Dia.. benda-benda [perkara sebegini] kalau ada permintaan baru ada. [ketawa]. Macam orang jual barang juga baru ada pengeluaran. Jadi kalau orang tak minta nak tarian tradisional tak adalah. Tu Mami kata [sebab itulah Mami kata] kalau bandar besar kebiasaannya tarian kreatif tu memang laku lah. Tapi kalau tarian tradisional ni tengok atas function lah kalau ada function yang highlightkan tarian tradisional kita maka boleh berkembang lah. Tapi untuk Terengganu ni [ini] Mami no comment lah untuk persoalan tu kan sebab dia tidak dibenarkan jadi Mami tak boleh nak comment banyak lah.

NZM : **Apakah yang diperlukan oleh seorang anak seni untuk menghasilkan seni tari yang terbaik?**

- WSWS : Pertama sekali yang terbaik seorang anak seni itu perlu tahu semua cabang seni. Yang terbaiklah,pandai menari, pandai menari tu tarian tradisional boleh, tarian rampai Mami kata boleh. Tarian sendiri pun semua jenis tarian boleh menaro. Menyanyi kena pandai semua jenis lagu semua jenis genre. Ceyy, bila dengar orang muda sebut genre Mami pun sebut genre lah [ketawa]. Boleh menyanyi asali, boleh menyanyi lagu dangdut, menyanyi lagu kerongcong. Boleh menyanyi semua lagu lah kan. Boleh berlakon. Haa. Berlakon ni dia berlakon radio lain berlakon Tv lain. Berlakon radio ni [ini] lakonan suara je [sahaja], nak marah suara marah nak sedih suara sedih. Kalau berlakon pentas menangis tu [itu] biar orang nampak lah yang kita ni [ini] menangis kan. Kalau berlakon radio skrip kita boleh baca Cuma intonasi suara yang paling penting. Dia drama pentas ni [ini] dia kena by heart read dialog tu kena mulut. Jadi dia berlakon pun bermacam-macam juga lah. Drama pentas lain, drama Tv lain drama radio lain. Lepastu berlakon pun cerita-cerita sejarah lain, cerita lama lain.cerita modern cara lain. Jadi maknanya untuk menjadi anak seni yang terbaik tulah kena tahu semua aspect seni tadi itupun. Satu-satu tu pun banyak juga. Kalau ingin jadi yang terbaik lah.
- NZM : Apakah pendapat Mami mengenai anak-anak muda yang menganggap seni tarian ini tidak boleh dijadikan sebagai kerjaya?

- WSWS : Dia apa-apa bidang sekalipun kalau kita buat sambil lewa memang tak boleh cari makan la kata orang. Tak boleh dijadikan kerjaya. Iyelah.. selain daripada minat kita dalam satu-satu bidang kan kita nak kena ada bakat, kebolehan, ada ilmu, ada kelulusan kang [kan] pastu baru kita boleh berjaya. Jadi, kalau nak cebur dalam bidang seni pun dia kena ada semua tu [itu] semua cabang tu [itu] dia kena adalah. Lepastu [selepas itu] dia kena usaha juga kang [kan] lepastu dia tak boleh nak specific macam dalam nyanyian lan dia kena all out lah. Dia kena bersungguh-sunggih lah dalam nyanyian tu. Maknanya kena pergi proper kelas vokal, cara berpakaian, grooming, cara persembahan untuk menjadi seorang penyanyi yang berjaya. Berapa ramai orang senang sebab jadi penyanyi kan tapi dia kalau untuk suka-suka saja memang tak boleh cari makan. Kalau setakat macam hobi je macam nak just passed time memang tak boleh cari makan lah kata orang. Kalau jadi nak jadi successful yang berjaya tidak kiralah berlakon ke menyanyi ke mestilah all out tapi kena ada ilmu jugaklah. Ilmu usaha kerja keras.
- NZM : **Untuk mengekalkan momentum dalam bidang seni bukanlah mudah, jadi apakah nasihat Mami?**
- WSWS : Mami momentum ni kurang faham sikit. Sebab kita bukan orang akademik. Maksudnya macam apa?
- NZM : Maksudnya kalau nakkekalkan diri dalam bidang seni macam mana?
- NAFMP : Nak maintain dalam bidang seni ni[ini] tak mudahlah dia ada banyak cabaran lah kan jadi apakah nasihat Mami mengenai ini?

- WSWS : Nasihat Mami untuk berjaya kekal dalam bidang seni? Jangan putus asa kerja keras. Usaha bersungguh-sungguh. Jangan jemu-jemu kena all out lah. Sungguh-sungguh tu kena buat bersungguh-sungguh lah. Selain daripada itu, usaha.. kita apa-apa pekerjaan yang kita nak buat sekalipun. Pada Mami lah doa pun penting juga kang [kan], takwa dan berserah pada Allah. Kalau kita usaha Allah tak nak bagi juga. Tak jadi jugak kan. Kita kena fikir juga tentang tu. Sebab semuanya datang dari dia. Kita nak berjaya kena usaha kena ikhtiar lepastu doa berserah takwa kepada Allah. Lepas tu kena terima lah dengan ketentuan Allah kan.
- NZM : **Apakah harapan dan nasihat untuk anak-anak muda yang ingin menceburi industri seni?**
- WSWS : Dia nak ceburi dalam industri seni? Hmm.. sekarang kita ada ASWARA. Aswara tu adalah satu institusi yang apa tu dalam boleh kita belajar semua tentang seni. Jadi kalau ada anak-anak muda yang minat dalam bidang ni [ini] mohonlah. Dia ada peringkat diploma, dia ada boleh sambung sampai ijazah dia ada semua ada. Bidang apa yang dia nak muzik ke macam-macam lah bidang pengarahan penerbitan, muziklah semua ada. Semua bidang ada di ASWARA tu kalau betul-betul berminat. Memohon masuk ASWARA belajar.. apa tu.. dia boleh buat degree pun ada. Ada yang sampai buat PhD. Jadi anak muda sekarang ni ada platform lah untuk proper training.

TAMAT BAHAGIAN 6

RUJUKAN

RUJUKAN

Abd Azis, M. H. (2021, April 2). *Tinta Minda BERNAMA - Seni Dan Budaya Tradisi Perlu Anjakan Paradigma*. Bernama.com. Retrieved January 24, 2023, from <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1947937>

FARHAN, M., & lengkap saya, L. P. (n.d.). *SENI BUDAYA TERENGGANU*.

TERENGGANU BANDARAYA WARISAN: SENI BUDAYA TERENGGANU. Retrieved January 23, 2023, from <http://farhanmohd92.blogspot.com/p/ulik-mayang-tarian-ulek-mayang-adalah.html>

Harian Metro. (2020, August 27). Harian Metro. Retrieved January 23, 2023, from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/08/614664/festival-ketengah-budaya-seni-dan-warisan-terengganu>

Kepentingan Seni Dan Kebudayaan Kepada Masyarakat | PDF. (n.d.). Scribd.

Retrieved January 23, 2023, from <https://www.scribd.com/document/342362606/Kepentingan-Seni-Dan-Kebudayaan-Kepada-Masyarakat>

U, & complete profile, V. M. (2014, November 22). *Kepentingan Seni dan Kebudayaan Kepada Masyarakat*. Sepating Bungai: Kepentingan Seni Dan Kebudayaan Kepada Masyarakat. Retrieved January 23, 2023, from <http://kemayangambai.blogspot.com/2014/11/kepentingan-seni-dan-kebudayaan-kepada.htm>

Abd Azis, M. H. (2021, April 2). *Tinta Minda BERNAMA - Seni Dan Budaya Tradisi Perlu Anjakan Paradigma*. Bernama.com. Retrieved January 24, 2023, from <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1947937>

SEJARAH LISAN. (n.d.). UKM. Retrieved January 24, 2023, from <https://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>

Ulek Mayang tarian tradisional Terengganu. (2020, June 27). The Malaya Post. Retrieved January 24, 2023, from <https://themalayapost.my/ulek-mayang-tarian-tradisional-terengganu/>

Ulek Mayang tarian tradisional Terengganu. (2020, June 27). The Malaya Post.

Retrieved January 24, 2023, from <https://themalayapost.my/ulek-mayang-tarian-tradisional-terengganu/>

Wan Salmah Wan Sulaiman – Ganupedia. (2018, September 21). Wan Salmah Wan Sulaiman –

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
SPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
MRSM	Maktab Sains Rendah Mara
UiTM	Universiti Teknologi Mara
SUKTRA	Kumpulan Penari dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu
ASNI	Akademi Seni Terengganu
PUSPANITA	Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia
ASWARA	<u>Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan</u>
PJK	Pingat Jasa Kebaktian
PPN	Pingat Pangkuhan Negara
AMT	Ahli Mahkota Terengganu
JKN	Jabatan Kebudayaan Pelancongan
MB	Menteri Besar
JKKN	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
KL	Kuala Lumpur
RTM	Radio Televisyen Malaysia

RUJUKAN KATA

Tu	Itu
Pastu	Selepas itu
Tu kan	Itu kan
Ni	Ini
Takde	Tiada
Tak	Tidak
Dah	Sudah
Bila	Apabila
Diorang	Mereka
Je	Sahaja
Ye	Ya
Jugak	Juga
Sorang	Seorang
Tulah	Itulah
Taknak	Tidak mahu
Dulu	Dahulu
Bagitau	Beritahu
Kat	Dekat
Gitu	Begitu
Takpe	Tidak mengapa
Kije	Kerja
Kecik-kecik	Kecil-kecil
Tapi	Tetapi
Nak	Mahu
Toksah	Tidak usah
Takyah	Tidak perlu

Saja

Sahaja

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

LOG WAWANCARA

Nur Aina Fazlina binti Muhamat Padli dan Nor Zalikha binti Marzukaini menemubual Puan Wan Salmah binti Wan Sulaiman. Temubual tersebut dijalankan di kediaman tokoh iaitu di Batu Burok, Terengganu pada 12 Januari 2022 pada jam 11:48 pagi. Temubual ini mengisahkan tentang pengalaman tokoh Wan Salmah binti Wan Sulaiman, dimana beliau adalah merupakan penggiat seni dan kebudayaan di negeri Terengganu, Malaysia.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG PERIBADI PUAN WAN SALMAH WAN SULAIMAN		
00:41	Memberitahu nama penuh dan latar belakang puhan Wan Salmah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Anak jati Terengganu. 2. Dilahirkan di Kampung Tiong, Terengganu. 3. Dilahirkan pada 16 September 1944. 4. Mempunyai 12 orang adik-beradik. 5. Suami bernama Samsudin bin Din. 6. Dikurniakan tujuh orang cahaya mata, dua perempuan dan lima lelaki. 7. Belajar di Sekolah Kebangsaan Bukit Jambul, Sultan Sulaiman Primary School dan Sultan Sulaiman Secondary School. 8. Pernah bertugas sebagai pegawai kerani pendidikan,

		pegawai kerani kanan perkhidmatan dan penolong pegawai tadbir.
06:52	Memberitahu tentang umur.	79 tahun.
06:57	Memberitahu tentang tempat dilahirkan	Kuala Terengganu, Kampung Tiong, Terengganu.

07:19	Memberitahu bilangan adik-beradik.	12 orang.
07:29	Memberitahu nama ibu, bapa dan tempat mereka berasal	1. Dayang binti Ali 2. Wan Sulaiman bin Long. 3. Terengganu
07:54	Menyatakan hobi pada masa lapang	1. Mengajar tentang seni kebudayaan kepada orang lain. 2. Melibatkan diri dengan kegiatan seni.
09:08	Memberitahu status perkahwinan nama suami dan pekerjaan suami	1. Balu 2. Shamsuddin bin Din 3. Bekerja di bank
09:40	Memberitahu tentang anak yang bergiat aktif dalam bidang seni	1. Anak nombor tiga pernah menari untuk sekolah. 2. Anak nombor lima boleh menyanyi, menari, berlakon dan bermain alat gamelan

10:49	Menyatakan harapan terhadap anak-anak	Menyokong minat anak-anak
13:01	Memberitahu bilangan cucu	19 orang.
13:06	Memberitahu cara membahagikan masa antara keluarga dan kerjaya.	Sudah bergiat aktif dalam bidang seni sejak di bangku sekolah lagi.
15:37	Memberitahu siapakah idola beliau.	1. Seniman P. Ramlee 2. Seniwati Saloma

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

28:26	Memberitahu tahun mula bersekolah rendah dan menengah	1. 1951 2. 1958
30:42	Menyatakan jawatan yang pernah disandang dan anugerah yang pernah diterima	1. AJK Drama Society 2. Menerima anugerah Tokoh Budaya Sekolah Sultan Sulaiman

36:58	Memberitahu tentang subjek kegemaran	Bahasa Inggeris
37:42	Menyatakan penglibatan diri sepanjang tempoh pengajian	<p>1. Mewakili sekolah dalam bidang tarian.</p> <p>2. Berlakon jadi AJK [Ahli Jawatankuasa] Drama Society.</p>

BAHAGIAN 3: PENGALAMAN PEKERJAAN

45:12	Memberitahu pengalaman pekerjaan sebelum terlibat dengan dunia seni dan berapa lama terlibat dalam bidang tersebut.	<p>1. Bekerja di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).</p> <p>2. Setahun setengah</p>
58:04	Memberitahu tempoh terlibat dalam bidang seni	70 tahun
59:09	Memberitahu isu yang terlibat sepanjang berada dalam dunia seni	Tiada

BAHAGIAN 4: PENGLIBATAN TOKOH DALAM BIDANG SENI

1:01:20	Memberitahu penerimaan keluarga terhadap penglibatan beliau dalam bidang seni dan siapa yang menyokong karier beliau	<p>1. Ibu bapa tidak begitu setuju dengan penglibatan beliau.</p> <p>2. Ibu angkat</p> <p>3. Suami</p>
1:16:17	Menyatakan penglibatan dengan mana-mana kumpulan tarian	<p>1. Kumpulan Penari Dan Pemuzik Tetap Negeri Terengganu (SUKTRA)</p> <p>2. Persatuan Darul Ehsan Kuala Terengganu.</p>
1:17:28	Memberitahu sebab memilih bidang seni	Minat
1:20:32	Menyatakan cabaran semasa penglibatan awal dalam bidang seni dan cabaran yang dihadapi oleh anak muda dalam bidang tersebut	<p>1. Tidak mendapat persetujuan dari keluarga</p> <p>2. Pembahagian masa</p>

1:25:01	Memberitahu penglibatan dalam bidang apa dan tempat beliau mula membuat persembahan tarian	1. Menyanyi 2. Menari 3. Bermain alat gamelan 4. Sekolah Kebangsaan Bukit Jambul
1:27:24	Menyatakan seni tari yang beliau pernah terlibat	1. Tarian Rampai 2. Zapin 3. Tarian Inang 4. Tarian Joget 5. Tarian Asli. 6. Tarian Ulek Mayang
1:32:42	Memberitahu tentang penglibatan beliau selain bidang seni tari	1. Menyanyi 2. Berlakon 3. Mengacara
1:38:49	Memberitahu bila beliau mula dikenali ramai	Apabila terlibat dalam Darul Ehsan dan SUKTRA

1:44:07	Menyatakan pengalaman manis sepanjang terlibat dalam dunia seni	<p>1. Dapat membuat persembahan di Hong Kong sempena the night Asean Art Festival DI Hong Kong 1984.</p> <p>2. Membuat persembahan di Europe bermula dengan di Frankfurt di Germany, di Milan Itali, di Amsterdam Holan, di Paris France, di London, United Kingdom dan di Zurich Switzerland.</p>
1:46:43	Menyatakan tentang keunikan bidang seni tari	Setiap tarian mempunyai keunikan tersendiri
1:54:11	Memberitahu masa yang diambil untuk mempelajari sesuatu tarian	Tidak perlu mengambil masa yang lama
1:57:15	Menyatakan kelebihan dan kekurangan apabila terlibat dalam dunia seni	<p>1. Berpeluang untuk mungkin ke luar negara.</p> <p>2. Kekurangan masa.</p>

1:57:59	Memberitahu perkara yang Mami tidak suka sepanjang berada dalam dunia seni	Apabila ditikam dari belakang oleh golongan seni
2:03:17	Menyatakan tahun yang menyukarkan sebagai seorang anak seniwati	Ada
2:08:36	Memberitahu tentang kepuasan dalam terlibat dengan dunia seni tarian	Berpuas hati dan memang akan buat persembahan dengan bersungguh-sungguh
BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN/ ANUGERAH DAN SUMBANGAN		

2:12:09	Menyatakan pencapaian dan anugerah terbesar yang pernah dicapai sepanjang terlibat dalam dunia seni	<ul style="list-style-type: none"> 1. Pingat Jasa Kebaktian 2. Pingat Pangkuhan Negara 3. Anugerah Ahli Mahkota Terengganu 4. Anugerah Khidmat Cemerlang Negeri Terengganu 5. Tokoh Budaya Sekolah Sultan Sulaiman 6. Tokoh Budaya Negeri Terengganu 7. Anugerah Tokoh Gamelan 8. Anugerah Khas Juri Tokoh Budaya negeri Terengganu 9. Tokoh Gamelan Melayu Terengganu
2:19:12	Menyatakan jika pernah menerima penganugerahan lain selain daripada bidang seni tarian	Tiada
2:20:43	Memberitahu pencapaian yang ingin beliau kecapi	Tiada

2:23:38	Memberitahu adakah beliau pernah bekerjasama dengan mana-mana agensi luar negara berkaitan dengan seni tari	Tiada
2:23:48	Menyatakan adakah beliau pernah membuat persembahan di mana-mana stesen rakaman radio	1. RTM (Radio Televisyen Malaysia Terengganu) 2. Pernah berlakon dalam drama-drama televisyen
2:26:18	Memberitahu adakah beliau mempunyai projek terkini yang berkaitan bidang seni	Tiada

BAHAGIAN 6: PENDAPAT/ PANDANGAN/NASIHAT

2:27:32	Menyatakan perkara yang penting yang beliau mahu orang lain tahu mengenai bidang seni	1. Ibu bapa tidak perlu risau dan bimbang susah hati jika ada anak-anak cucu mereka yang berminat dalam seni dan budaya 2. Bidang ini merupakan salah satu aktiviti yang sihat dan baik daripada mengisi masa lapang dengan sesuatu yang lain
---------	---	--

2:23:11	Menyatakan adakah umur menjadi penghalang untuk beliau bergiat akif dalam industri seni tari	Tidak ada penghalang
2:34:41	Menyatakan apakah yang diperlukan oleh seorang anak seni untuk menghasilkan seni tari yang terbaik	Seorang anak seni itu perlu tahu semua cabang seni.
2:40:25	Memberitahu nasihat untuk mengekalkan momentum dalam bidang seni	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jangan putus asa 2. Doa, takwa dan berserah pada Allah
2:48:50	Menyatakan harapan dan nasihat untuk anak-anak muda yang ingin mencebur industri seni	Memohon masuk ASWARA

DIARI

PENYELIDIKAN

DIARI PENYELIDIKAN

No.	Masa	Tarikh	Perkara	Tindakan
1.	8.00 a.m - 9.00 a.m.	Minggu 1 (11 Oktober 2022)	Perbincangan Projek Kajian	Membuat kajian berkaitan sejarah lisan dan tradisi lisan.
2.	9.00 a.m.- 10.00 a.m.	Minggu 2 (18 Oktober 2022)	Pembentukan Kumpulan	Pembentukan kumpulan terdiri daripada Nur Aina Fazlina and Nor Zalikha
3.	8.00 a.m - 9.00 a.m.	Minggu 3 (25 Oktober 2022)	Pemilihan Tajuk dan Tokoh Kajian	Memutuskan untuk membuat kajian tentang tokoh yang dipilih
4.	13.00 p.m.	Minggu 4 (1 November 2022)	Pemilihan Tarikh Temubual	Memilih tarikh untuk temubual
5.	8.00 a.m. - 10.00 a.m.	Minggu 5, 6 & 7 (8, 15, 22 November 2022)	Kajian Literatur dan Penulisan Kertas Kerja	Membuat cadangan awal untuk menentukan tujuan dan objektif kajian
6.	10.00 a.m.	Minggu 7 & 8 (29 November, 6 Disember 2022)	Perbincangan Semula Tarikh Temubual	Susun dan pilih semula tarikh yang sesuai untuk menjalankan temubual
7.	9.00 a.m.	Minggu 8	Mula Menghubungi	Cuba hubungi tokoh

		(6 Disember 2022)	Tokoh	yang dipilih untuk membincangkan temubual.
8.	11.00 a.m.	Minggu 12 (12 Januari 2023)	Temubual Dijalankan	Temu bual dijalankan di kediaman tokoh seperti yang dirancang
9.	8.00 a.m. - 10.00 a.m.	Minggu 14 & 15 (31 Januari and 7 Februari 2023)	Penilaian Projek	Menilai hasil kajian temu bual untuk mengenal pasti sama ada ia menepati objektif kajian atau tidak

SENARAI SOALAN

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG PERIBADI PUAN WAN SALMAH WAN SULAIMAN

- 1) Apakah nama penuh puan?
- 2) Bolehkan puan ceritakan sedikit latar belakang puan?
- 3) Berapakah umur puan pada tahun ini?
- 4) Apakah nama panggilan puan?
- 5) Di manakah puan dilahirkan?
- 6) Di manakah puan dibesarkan?
- 7) Berapakah bilangan adik beradik puan?
- 8) Puan merupakan anak yang ke berapa?
- 9) Apakah nama ibu puan?
- 10) Apakah nama bapa puan?
- 11) Dari manakah ibu bapa puan berasal?
- 12) Apakah hobi puan pada masa lapang?
- 13) Apakah status perkahwinan puan?
- 14) Apakah nama suami puan?
- 15) Apakah kerjaya suami puan?
- 16) Pada tahun berapakah puan berkahwin?
- 17) Puan mempunyai berapa orang anak?
- 18) Adakah terdapat diantara anak puan yang juga bergiat aktif dalam bidang seni?

- 19) Apakah harapan puan terhadap anak-anak?
- 20) Adakah puan berharap anak-anak puan akan meneruskan minat puan?
- 21) Berapakah bilangan cucu yang puan ada?
- 22) Bagaimanakah puan membahagikan masa antara keluarga dan kejaya?
- 23) Siapakah idola puan?
- 24) Mengapakah puan menjadikan beliau sebagai idola?
- 25) Adakah puan mempunyai kawan baik yang turut terlibat dalam dunia seni?
- 26) Siapakah nama beliau?

BAHAGIAN 2 : LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- 27) Pada tahun berapakah puan mula bersekolah rendah?
- 28) Apakah nama sekolah rendah tersebut?
- 29) Pada tahun berapakah puan mula bersekolah menengah?
- 30) Apakah nama sekolah menengah puan?
- 31) Apakah jawatan tertinggi yang pernah disandang oleh puan semasa berada di sekolah menengah?
- 32) Adakah puan pernah mendapat apa-apa anugerah ketika berada di sekolah menengah?
- 33) Apakah kata-kata atau nasihat yang diberikan oleh guru yang puan tidak dapat lupakan sampai sekarang?
- 34) Dimanakah puan melanjutkan pengajian peringkat tinggi?

- 35) Apakah subjek kegemaran puan semasa melanjutkan pelajaran dan mengapa subjek tersebut digemari?
- 36) Adakah puan pernah terlibat dengan aktiviti tarian atau persembahan sepanjang tempoh melanjutkan pengajian?

BAHAGIAN 3: PENGALAMAN PEKERJAAN

- 37) Adakah puan mempunyai pengalaman pekerjaan yang lain sebelum terlibat dengan dunia seni?
- 38) Berapa lama puan terlibat dengan kerjaya tersebut?
- 39) Mengapa kerjaya tersebut menjadi pilihan puan?
- 40) Apakah jawatan yang disandang sewaktu bekerja dalam bidang tersebut?
- 41) Sudah berapa lama puan bergiat dalam bidang seni?
- 42) Pada tahun berapakah puan mula terlibat dalam bidang seni?
- 43) Pernahkah puan terlibat dengan apa-apa isu atau masalah sepanjang berada dalam dunia seni?

BAHAGIAN 4: PENGLIBATAN TOKOH DALAM BIDANG SENI

- 44) Pada usia berapakah puan mula didedahkan dengan muzik?
- 45) Dari manakah pendedahan itu berlaku?
- 46) Bagaimanakah penerimaan keluarga puan berkaitan dengan penglibatan puan dalam bidang seni?
- 47) Siapa yang paling banyak menyokong perjalanan karier puan dalam bidang seni?

- 48) Adakah puan pernah terlibat dengan mana-mana kumpulan tarian atau muzik dan apakah nama kumpulan tersebut?
- 49) Berapakah umur puan ketika pertama kali menari?
- 50) Mengapakah puan memilih untuk menceburi bidang seni?
- 51) Adakah puan pernah menyangka bahawa puan akan terlibat dalam bidang seni?
- 52) Pada pendapat puan adakah bidang seni yang puan ceburi ini mencabar?
- 53) Apakah cabaran yang dihadapi oleh puan pada awal penglibatan dalam bidang seni?
- 54) Apakah cabaran yang sering dihadapi oleh anak muda yang terlibat dalam bidang ini?
- 55) Adakah puan hanya terlibat dengan seni tarian sahaja?
- 56) Di manakah puan mula membuat persembahan tarian?
- 57) Apakah contoh seni tari yang puan pernah terlibat?
- 58) Adakah puan hanya terlibat dengan seni tarian sahaja?
- 59) Boleh puan berkongsi lebih lanjut dengan kami mengenai bidang yang puan terlibat selain dari seni tari?
- 60) Apakah keistimewaan bidang ini?
- 61) Bilakah puan mula terkenal atau dikenali ramai?
- 62) Pernahkan puan menjadi penari latar untuk mana-mana persembahan artis di Malaysia?
- 63) Sepanjang terlibat dalam bidang seni, apakah pengalaman manis dan tidak boleh puan lupakan?
- 64) Pada pendapat puan, apakah keunikan bidang seni tari?
- 65) Dari manakah puan belajar untuk mencipta apa-apa tarian?

- 66) Pada kebiasaanmu, berapa lama masa yang akan diambil oleh puan untuk mempelajari sesebuah tarian?
- 67) Adakah puan pernah membuat persembahan tarian seorang diri?
- 69) Apakah kelebihan dan kekurangan apabila terlibat dalam dunia seni?
- 70) Adakah terdapat perkara yang puan tidak suka sepanjang berada dalam dunia seni?
- 71) Jika diberi peluang, siapakah seniman atau seniwati yang ingin dipilih oleh puan untuk digandingkan bersama?
- 72) Adakah puan mempunyai pembantu peribadi untuk menguruskan hal-hal seperti jadual atau kontrak?
- 73) Pada pendapat puan, apakah ciri-ciri istimewa yang ada pada puan yang membezakan puan dengan seniwati-seniwati yang lain?
- 74) Pernahkah puan menghadapi tahun yang menyukarkan sebagai seorang seniwati?
- 75) Adakah puan pernah merasa berpuas hati dengan tarian puan sepanjang penglibatan dalam bidang seni tarian?

BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN/ ANUGERAH DAN SUMBANGAN

- 76) Apakah pencapaian dan anugerah terbesar yang pernah dicapai sepanjang terlibat dalam dunia seni?
- 77) Adakah puan pernah menerima penganugerahan lain selain daripada seni bidang tari?
- 78) Diantara anugerah yang puan perolehi, anugerah manakah yang puan paling banggakan?
- 79) Pada usia sekarang, adakah terdapat apa-apa pencapaian yang puan ingin kecapi?

- 80) Adakah terdapat perubahan yang berlaku kepada keluarga puan disebabkan perkembangan karier puan?
- 81) Adakah puan pernah bekerjasama dengan mana-mana agensi luar negara berkaitan dengan seni tari?
- 82) Adakah puan pernah membuat persembahan di mana-mana stesen rakaman radio?
- 83) Adakah puan mempunyai projek terkini yang berkaitan bidang seni yang boleh dikongsi serba sedikit?

BAHAGIAN 6: PENDAPAT/PANDANGAN/NASIHAT

- 84) Apakah perkara yang paling penting yang puan mahu orang lain tahu mengenai seni tari?
- 85) Adakah umur menjadi penghalang untuk puan bergiat aktif dalam industri seni tari?
- 86) Sebagai seorang anak seni, apakah pandangan puan terhadap industri tarian pada masa kini?
- 87) Apakah yang diperlukan oleh seorang anak seni khususnya penari untuk menghasilkan seni tari yang terbaik?
- 88) Untuk mengekalkan momentum dalam bidang seni bukan mudah, jadi apakah nasihat puan?
- 89) Apakah pendapat puan mengenai ana-anak muda yang menganggap seni tarian ini tidak boleh dijadikan sebagai kerjaya?
- 90) Apakah harapan dan nasihat puan untuk anak-anak muda yang ingin mencebur industri seni?

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN


Saya WAN SALMAH BINTI WANI SULAIMAN _____ K/P _____ pada
13 JANUARI 2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sejalan dengan syarat:-
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll, sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik penyelidik.

(Nama tokoh/wan Sultan Wani Sulaiman)
Tarikh: 13/01/2023

(Nama pensyarah: Nurulainisa Binti Abdullian)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

LAMPIRAN 1



Gambar 1: Potret Puan Wan Salmah Wan Sulaiman memakai pakaian menari

LAMPIRAN 2



Gambar 2: Potret Puan Wan Salmah Wan Suaiman bersama rakan seperjuangan bidang kesenian

LAMPIRAN 3



Gambar 3: Sijil Penghargaan buat Puan Wan Salmah Wan Sulaiman

LAMPIRAN 4



Gambar 4: Koleksi gambar kenang-kenangan

LAMPIRAN 5



Gambar 5: Piala Anugerah Tokoh Seni Budaya Negeri Terengganu 2016

LAMPIRAN 6



Gambar 6: Anugerah Tokoh Budaya

LAMPIRAN 7



Gambar 7: Bergambar bersama Puan Wan Salmah

LAMPIRAN 8



Gambar 8: Sesi memberi cenderahati

LAMPIRAN 9



Gambar 9: Sesi memberi cenderahati

INDEKS

A

Adat 12
Anak 12
Aktif 7
Anugerah 53
Artis 17

M

Menyanyi 12
Menari 12
Melayu 5

P

Pahlawan 36
Pelakon 11
Pentas 11
Persatuan 10
Program 57
Pemuzik 15
Peperiksaan 21
Pekerjaan 23
Persembahan 8

K

Kampung 19
Kerani 45
Kesenian 8
Kebudayaan 8
Kegiatan 8
Kumpulan 40
Koreografi 40
Kecantikan 40

R

Rakyat 44

S

Sekolah 18
Seni 6,53,64

T

Terengganu 37,58,61
Tokoh 54

L

Lagu 17
Lakonan 15

W

Warisan 40